



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

LAPORAN TAHUNAN KPDN 2025



#KitaPengguna #KPDNKita



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

LAPORAN TAHUNAN KPDN 2025

#KitaPegguna #KPDNKita

KANDUNGAN

iv

**PERUTUSAN MENTERI & KETUA
SETIAUSAHA**

MAKLUMAT KORPORAT

2

Visi, Misi, Teras Strategik & Moto
KPDN

4

Carta Organisasi KPDN

ANGGOTA PENTADBIRAN

8

Peneraju Kementerian

9

Pengurusan Tertinggi

10

Pengarah Bahagian

13

Ketua Agensi

14

Pengarah Negeri

18

PENCAPAIAN KPDN 2025

KECEMERLANGAN ORGANISASI

22

Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia (BPSM)

26

Bahagian Khidmat Pengurusan dan
Kewangan (BKPK)

32

Bahagian Akaun (BA)

36

Bahagian Pengurusan Maklumat
(BPM)

39

Bahagian Audit Dalam (BAD)

40

Bahagian Dasar, Perancangan
Strategik dan Antarabangsa
(BDPSA)

45

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

48

Unit Integriti (UI)

K

KETANGKASAN PENGUATKUASAAN

52

Bahagian Penguat Kuasa (BPGK)

66

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
(MyCC)

Cetakan Pertama 2026

© Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup 2026Diterbitkan oleh: Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623
Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan
mengeluar ulang mana-mana bahagian,
artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini
dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa
juga sama ada secara elektronik, fotokopi,
mekanik, rakaman atau cara lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara
Hidup.

ISSN 2948-4278



9 772948 427003

P

PEMACU EKONOMI DOMESTIK

72

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)

76

Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)

84

Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL)

90

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

100

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

103

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)

D

DAYA UPAYA DAN ADVOKASI KEPENGGUNAAN

106

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)

109

Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK)

111

Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan (BPDK)

113

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)

114

Bahagian Undang-Undang (BUU)

N

NATIONAL ACTION COUNCIL ON COST OF LIVING - PENDEKATAN WHOLE OF NATION

122

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

126

Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB)

129

Bahagian Kawal Selia Petroleum (BKSP)

131

Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN)

136

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)

138

SOROTAN LENS 2025

142

SIDANG EDITORIAL

PERUTUSAN MENTERI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2025 berjaya diterbitkan. Laporan ini merupakan manifestasi pertanggungjawaban kementerian dalam memaparkan status pelaksanaan dan kemajuan gerak kerja dalam melaksanakan mandat yang telah diamanahkan berdasarkan kefungisian yang digariskan.

Tahun 2025 telah menyaksikan KPDN terus mengorak langkah dalam menggerakkan usaha mewujudkan perdagangan dalam negeri yang sihat dan progresif, melindungi kepentingan pengguna dan menyelaraskan pemantauan inisiatif-inisiatif berkaitan sara hidup rakyat.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Pelaksanaan 25,708 siri Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) di seluruh negara yang mencatatkan 27.5 juta transaksi, telah memberi manfaat terus kepada rakyat Malaysia dengan pengurangan harga antara 10% hingga 30% bagi barangan keperluan asas harian.

Bagi memastikan penyasaran subsidi yang lebih adil dan berintegriti, kita telah merintis pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) untuk pengangkutan darat awam, pengangkutan darat barangan serta pengangkutan air awam. Ini merupakan lanjutan kepada pemerkasaan pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) yang telah digerakkan pada tahun sebelumnya. Pendigitalan subsidi turut diperkukuh melalui rintis Aplikasi Mobile eCOSS bagi memastikan

jualan minyak masak paket bersubsidi sampai kepada kumpulan sasar yang tepat dan menangani ketirisan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Ketangkasan Penguatkuasaan dan Reformasi Perundangan

KPDN tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk penyelewengan, pencatutan atau manipulasi harga. Sepanjang tahun, tindakan penguatkuasaan terus diperhebat melalui pelaksanaan operasi bersepadu berskala besar seperti OPS Kesan 4.0 dan OPS Tiris 3.0 yang kini diperluas kepada pelbagai komoditi barangan kawalan.

Tahun 2025 juga melakar sejarah dalam reformasi perundangan dengan kelulusan Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2025. Pindaan ini adalah satu anjakan paradigma yang memansuhkan kaedah kadar faedah tetap (*flat rate*) kepada kaedah Kadar Faedah Efektif (*Effective Interest Rate*), satu langkah progresif yang melindungi dan mengurangkan beban faedah kewangan pengguna di Malaysia.

Pemacu Ekonomi Domestik dan Pendigitalan

Dalam merencanakan ekonomi tempatan, Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan pelbagai Karnival Jelajah KPDN telah berjaya melonjakkan jualan dan memberi pendedahan meluas kepada produk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Program Kembara ReDI turut digerakkan di kawasan Sabah dan Sarawak bagi memacu pendigitalan sektor peruncitan dan mendaftarkan lebih 10,000 peniaga e-dompet baharu.

Berteraskan aspirasi #KPDNKITA, kementerian akan terus mengorak langkah dengan iltizam yang jitu demi membela nasib rakyat dan memastikan kelestarian perdagangan ekonomi negara. Setiap kejayaan ini menuntut sinergi yang utuh antara Kerajaan, rakan industri dan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, KPDN akan terus berpegang teguh kepada nilai teras Bekerjasama, Amanah, Komited dan Adil dalam memacu setiap inisiatif penyampaian perkhidmatan. Sesungguhnya, tiada apa yang lebih bermakna buat kementerian ini selain melihat kelegaan dan kesejahteraan hidup dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Akhirkata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja KPDN, agensi-agensi di bawah kementerian, rakan strategik, industri dan seluruh masyarakat yang berganding bahu menjayakan agenda negara sepanjang tahun 2025. Semoga kementerian ini terus cemerlang memacu ekonomi domestik dan melindungi hak pengguna demi kemakmuran Malaysia.

YB Datuk Armizan Mohd Ali

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2025 berjaya diterbitkan sebagai manifestasi komitmen berterusan kementerian dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Tahun 2025 menyaksikan KPDN terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju utama dalam ekosistem perdagangan dalam negeri serta pelindung kepentingan pengguna, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup secara holistik, bersepadu dan berimpak tinggi.

Pelaksanaan dan peluasan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) menjadi antara inisiatif utama kementerian yang memberi impak langsung kepada rakyat dengan memastikan barangan keperluan asas dapat diperoleh pada harga lebih rendah dan berpatutan, sekali gus membantu meringankan beban perbelanjaan isi rumah.

Melalui kerjasama strategik bersama pemain industri, pembekal dan peruncit, capaian Jualan RAHMAH berjaya diperluas ke seluruh negara termasuk kawasan luar bandar dan pedalaman. Pendekatan ini turut menyumbang kepada kestabilan harga serta keseimbangan pasaran domestik.

Dalam mendepani cabaran global seperti ketidaktentuan rantaian bekalan dan tekanan inflasi, KPDN terus mempergiat pemantauan serta penguatkuasaan bagi memastikan tiada berlakunya pencatutan, manipulasi harga mahupun ketirisan subsidi.

Kementerian juga memperkukuh advokasi kepenggunaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat supaya lebih bijak dan berhemah dalam membuat keputusan perbelanjaan harian, selaras dengan usaha memperkasa pengguna.

Dalam masa yang sama, KPDN sentiasa menitikberatkan aspek integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam setiap pelaksanaan program dan perkhidmatan. Pemeraksanaan sistem digital, penambahbaikan prosedur kerja serta pembangunan kompetensi warga kerja menjadi fokus utama bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan responsif.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada seluruh warga KPDN, rakan strategik industri, agensi Kerajaan serta semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan agenda kementerian sepanjang tahun ini. Semoga segala usaha yang dilaksanakan terus memberi manfaat kepada rakyat serta menyumbang kepada kemakmuran negara.

Terima kasih.

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup







Maklumat Korporat

**Visi, Misi, Teras Strategik & Moto KPDN
Carta Organisasi KPDN**

Visi

KPDN sedang mengorak langkah ke arah menjadi Kementerian Premier Negara berpandukan oleh visinya iaitu:

**Perdagangan dalam negeri yang progresif, mampan;
Pendayaupayaan pengguna; dan
Kos sara hidup yang stabil**

4 Misi Kementerian

Mengukuhkan perdagangan dalam negeri melalui penciptaan nilai dan pendigitalan;

Membudayakan pengguna yang rasional bagi meningkatkan kualiti hidup;

Memastikan kebolehcapaian bekalan barang pada harga yang berpatutan; dan

Memperkukuh tadbir urus dan mengadaptasi teknologi ke arah organisasi cemerlang.

Moto **Perdagangan Sihat
Pengguna Berkat**


BEKERJASAMA AMANAH KOMITED ADIL

Nilai Teras Kementerian

- Meningkatkan sumbangan
Perdagangan Dalam Negeri kepada
Pendapatan Negara Kasar**
- Mewujudkan masyarakat pengguna
yang berdaya upaya dan amalan
perniagaan yang beretika**
- Memupuk ekonomi berteraskan
inovasi melalui sistem dan
perundangan yang efektif**
- Mewujudkan persekitaran pasaran
yang kondusif untuk pengguna dalam
menghadapi kenaikan kos sara hidup**
- Meningkatkan kecemerlangan
organisasi**

5 Teras Strategik KPDN

Carta Organisasi KPDN



YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA DAN PENGURUSAN
(PTD UTAMA B)**

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PENGGUNA MALAYSIA
PENGURUSI TRIBUNAL
(PUU UTAMA C)**
Zarinah binti Mat Jailani

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN
DAN DASAR KEPENGGUNAAN
PENGARAH (PTD M14)**
Siti Juriani binti Jalaluddin

**BAHAGIAN GERAKAN
KEPENGGUNAAN
PENGARAH (PTD M14)**
Mohd Zaid bin Idris

**BAHAGIAN STANDARD
KEPENGGUNAAN
PENGARAH (PTD M14)**
Atan bin Sapian

**BAHAGIAN
UNDANG-UNDANG
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
(PUU UTAMA C)**
Allauddin bin Mohd Tahir

**BAHAGIAN DASAR
PERANCANGAN STRATEGIK
DAN ANTARABANGSA
PENGARAH (PTD UTAMA C)**
Rafidah binti Datu Derin

**UNIT INTEGRITI
KETUA UNIT (P14)**
Noor Azura'ini binti
Mohd Nordin

**BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN DAN
KEWANGAN
PENGARAH (PTD M14)**
Muhammad Zikril Azan bin
Abdullah

**BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
PENGARAH (PTD M14)**
Julia binti Jaladdin

**BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT
PENGARAH (PTM F14)**
Ts. Muhammad Faris bin Idrus

**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT
KETUA KOMUNIKASI
KORPORAT (S14)**
Jaafar bin Jantan

**BAHAGIAN AUDIT DALAM
KETUA AUDIT DALAM
(Juruaudit W13)**
N.T. Shanmuganathan a/L
S.N. Thilalaiampalam

**BAHAGIAN AKAUN
PENGARAH
(Akauntan Gred UTAMA C)**
Eba Juiata binti Taib

**NEGERI KELANTAN
PENGARAH
(PTD M13)**
Azman bin Ismail

**NEGERI SEMBILAN
PENGARAH
(PTD M13)**
Muhammad Zahir
bin Mazlan

**NEGERI KEDAH
PENGARAH
(PTD M13)**
Muhammad Nizam
bin Jamaludin

**NEGERI
TERENGGANU
PENGARAH
(PTD M13)**
Mohd Mufsi bin Lat

**NEGERI MELAKA
PENGARAH
(PTD M13)**
Dr. Hazimin bin
Jamaludin

**NEGERI PERLIS
PENGARAH
(PTD M12)**
Rohaida binti Hassan

**WILAYAH
PERSEKUTUAN
LABUAN
PENGARAH
(PTD M12)**
Junaidah binti Arbain



YBhg. Datuk Nor Azimah
binti Abdul Aziz
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Yusnieza Syarmila binti Yusoff
KETUA PENGARAH



YBhg. Datuk Haji Iskandar
bin Ismail
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




KEMPEN BELI
BARANGAN
MALAYSIA

#barangbaikbarangkita



Anggota Pentadbiran

Peneraju Kementerian
Pengurusan Tertinggi
Pengaroh Bahagian
Ketua Agensi
Pengaroh Negeri

PENERAJU KEMENTERIAN

YB Datuk Armizan Mohd Ali

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup



YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup



PENGURUSAN TERTINGGI

YB Datuk Armizan Mohd Ali
Menteri

**YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah
binti Salleh**
Timbalan Menteri

**YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi
bin Bakar**
Ketua Setiausaha

**YBhg. Datuk Roziah binti
Abudin**
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan Perdagangan
Dalam Negeri)

**YBhg. Dato' Haji Amran bin
Haji Ahmad**
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pendayaupayaan Pengguna
dan Pengurusan)



PENGARAH BAHAGIAN

Mohd Zaid bin Idris
Bahagian Gerakan
Kepenggunaan

Dato' Dr. Stanley Tan
Pengaruh Kanan
Sektor Barang Kawalan dan
Subsidi

Mohammad Sanusi bin Abdul Karim
Pengaruh Kanan
Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup
dan Penyelidikan

Teoh Phi Li
Bahagian Analisis Ekonomi
dan Data Strategik

Mohd Yusri bin Yusof
Bahagian Subsidi dan
Bekalan

Allauddin bin Mohd Tahir
Bahagian Undang-Undang

Datuk Azman bin Adam
Ketua Pengarah
Bahagian Penguat Kuasa



Dato' Rohaizi bin Bahari
Pengarah Kanan
Sektor Perdagangan
Pengedaran dan Perniagaan

Rafidah binti Datu Derin
Bahagian Dasar Perancangan
Strategik dan Antarabangsa

Selvi a/p Shanmugam
Bahagian Harga
Barangan Negara

Zarinah binti Mat Jailaini
Tribunal Tuntutan
Pengguna Malaysia

Eba Juiata binti Taib
Bahagian Akaun

Siti Juriani binti Jalaluddin
Bahagian Penyelidikan dan
Dasar Kepenggunaan

Adiratno bin Che Ani
Bahagian Pembangunan
Perniagaan



PENGARAH BAHAGIAN

**Noor Azurainy binti
Mohd Nordin**
Unit Integriti

Afdal Izal bin Md. Hashim
Bahagian Kawal Selia
Petroleum

Jaafar bin Jantan
Unit Komunikasi
Korporat

Faraismawati binti Osman
Majlis Tindakan Sara Hidup
Negara

**Muhd Fairuz bin Abdul
Halim**
Bahagian Pembangunan
Jualan Langsung

Julia binti Jaladdin
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia

Muhamad Hanif bin Asa'ari
Sekretariat Perdagangan
Pengedaran Perniagaan dan
Industri Perkhidmatan



KETUA AGENSI

Muhamad Zikril Azan bin Abdullah
Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Kewangan

Shamsol Zakri bin Zakaria
Tribunal Rayuan
Persaingan

Atan bin Sopian
Bahagian Standard
Kepenggunaan

Ts. Muhammad Faris bin Idrus
Bahagian Pengurusan
Maklumat

**N.T. Shanmuganathan
a/l S.N. Thilaiampalam**
Bahagian Audit Dalam

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Datuk Haji Iskandar bin Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Yusnieza Syarmila binti Yusoff
Ketua Pengarah
Perbadanan Harta Intelek Malaysia



PENGARAH NEGERI

Junaidah binti Arbain
W.P Labuan

Muhammad Nizam bin Jamaludin
Kedah

Mohd Sabri bin Seman
W.P Kuala Lumpur

Shahril Nizam bin Shahidin
Sabah

Dr. Mohd Hazimin bin Jamaludin
Melaka

Azman bin Ismail
Kelantan

Matthew anak Dominic Barin
Sarawak

Mohd Zuhairi bin Mat Radey
Selangor









'KPDN'

Pencapaian KPDN 2025

K - Ketangkasan Penguatkuasaan

P - Pemacu Ekonomi Domestik

D - Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan

N - *National Action Council on Cost of Living* - Pendekatan *Whole of Nation*

IMBASAN IKHTIAR KPDN 2025

K Ketangkasan Penguatkuasaan



PEMERIKSAAN PREMIS KESELURUHAN
1,250,138



NILAI RAMPASAN
RM99,810,023.07

OPS TIRIS 3.0

PEMERIKSAAN PREMIS
90,650

TINDAKAN KES
5,086

**PENGUATKUASAAN
PENENTUSAHAN ALAT
TIMBANG DAN SUKAT**



BILANGAN ALAT TIMBANG DAN SUKAT: 503,191

OPS KESAN 3.0 & 4.0

OPS KESAN 3.0

PEMERIKSAAN PREMIS
4,660

NOTIS DIKELUARKAN
3,398

OPS KESAN 4.0

PEMERIKSAAN PREMIS
2,692

NOTIS DIKELUARKAN
2,608

SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)



TAHUN BARU CINA
16 jenis barangan



PESTA KAAMATAN
10 jenis barangan



DEEPAVALI
9 jenis barangan



HARI RAYA PUASA
26 jenis barangan



HARI GAWAI
11 jenis barangan



KRISMAS
14 jenis barangan



JUMLAH PEMERIKSAAN
19,300



NILAI KOMPAUN
RM151,500

BIZ BERKAT
Pematuhan kepada elemen etika perniagaan



PEMERIKSAAN PREMIS
1,250,411

PEMATUHAN MELEBIHI
98%



MEMBANTERAS KARTEL & MONOPOLI BERMASALAH

11 Syarikat



Penalti Kewangan
RM95.85 Juta

PELAKSANAAN KAJIAN PASARAN EKOSISTEM EKONOMI DIGITAL



NOTIS DIKELUARKAN
4,078
NOTIS



Serah Simpan Maklumat Pemunya Benefisial (BO) PEMATUHAN SYARIKAT
97.64%
(689,610 SYARIKAT)

P Pemacu Ekonomi Domestik



PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

Jumlah Lokasi
6

Pengunjung
592,989



KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

Penandaan Logo Buatan Malaysia
480 SKU

Penandaan Logo Produk Malaysia
3,337 SKU



PROGRAM ACCESS TO RETAIL
202 SKU Baharu



PROGRAM LOCAL TO GLOBAL RETAIL
302 SKU Baharu

KEBENARAN MENJALANKAN PERDAGANGAN PENGEDARAN BAGI SYARIKAT MILIKAN ASING



Jumlah Syarikat
687



PENDAFTARAN HARTA INTELEK

51,409 Cap Dagangan/Paten/
Reka Bentuk Perindustrian/Petunjuk Geografi



INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (ReDI)

Pemerkasaan "cashless society" dalam kalangan peniaga luar bandar.

Peniaga Berdaftar



15,172

PROGRAM JUALAN LANGSUNG

Kedudukan Dunia
5

Kedudukan Asia Pasifik
3

Kadar Penembusan Pasaran Tertinggi di Dunia
2.417%



Tempoh kelulusan Lesen Jualan Langsung dipendekkan daripada 90 hari kepada hanya 21 hari



KAWAL SELIA SEKTOR KORPORAT

Perbadanan Syarikat: **60,714**
Pendaftaran Perniagaan: **353,330**
Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT): **3,719**



SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

Peniaga B40: **32,604**
Pelajar IPTA/IPTS: **13,828**

SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

Pendaftaran Baharu: **1,926**
Pembaharuan Perniagaan: **3,330**

PERKHIDMATAN E-ADVERTISEMENT
Jumlah PLT menerima manfaat: **957**

D Daya Pengguna dan Advokasi Kepenggunaan

PENGURUSAN ADUAN PENGGUNA

Pengurusan aduan bagi melindungi hak pengguna. Pencapaian penyelesaian aduan adalah **97.58%** daripada **46,249**

ezAdu
K P D N



RANG UNDANG-UNDANG (RUU) SEWA BELI (PINDAAN) 2025

Memperkuhkan perlindungan pengguna dalam urusan sewa beli melalui Kadar Faedah Efektif dan Kaedah Pengurangan Baki yang lebih telus

PENGURUSAN KES TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA



Jumlah Pemfailan
10,646

Nilai Award
RM19,986,983.56



APLIKASI EZ-TTPM

Pemfailan tuntutan tebus rugi secara digital bermula November 2025.



APLIKASI PRICECATCHER

PriceCatcher membantu pengguna menyemak harga barangan secara digital

- 6 KATEGORI BARANGAN
- 316 ITEM
- 2,170 BILANGAN PREMIS

Pasar Raya Berkongsi Data Harga

- MYDIN
- CKS Retail Sdn. Bhd
- Redtick
- Bataras Sdn. Bhd.

Jumlah Pengguna dan Muat Turun Aplikasi PRICECATCHER
379,819



GARIS PANDUAN MENGELOKKAN IKLAN PALSU ATAU MENGELIRUKAN DALAM TALIAN



Pengenalan garis panduan untuk melindungi hak pengguna bagi mengukuhkan keyakinan pengguna terhadap urus niaga dalam talian

N National Action Council on Cost of Living (NACCOL)



PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)

Pelaksanaan PJRM di 222 Parlimen, 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 40 Zon di Wilayah Persekutuan

Jumlah Pelaksanaan
25,708 SIRI
(2024 12,419 SIRI)

Jumlah Transaksi
27.29 JUTA

PORTAL IHSAN MADANI

Merupakan platform digital bagi memaparkan program, inisiatif dan bantuan kos sara hidup kepada rakyat

- Kesihatan
- Utiliti
- Pendapatan
- Pendidikan
- Makanan
- Pengangkutan
- Perumahan
- Umum



Jumlah Inisiatif

333

(Pertambahan 183 inisiatif baharu dari kerajaan negeri)



Jumlah Bengkel
505

SERVIS IHSAN MADANI (SIM)

Menawarkan **diskaun** servis kenderaan sehingga **30%** kepada rakyat sempena 7 musim perayaan utama dan Hari Kebangsaan

Senarai Rakan Strategik



APLIKASI MOBILE ECOSS

Penyasaran minyak masak paket bersubsidi 1 kg melalui aplikasi Mobile eCOSS

Pengguna Aplikasi Mobile eCOSS

1.757 juta orang Warganegara Malaysia



SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS)

Penyasaran subsidi kepada sektor pengangkutan darat awam dan barangan serta bot penumpang

Syarikat diluluskan
15,937
(33,302 Kenderaan)

Jenis Kenderaan Sektor Pengangkutan Darat Awam
6

Jenis Kenderaan Sektor Pengangkutan Darat Barangan
8



TikTok Shop

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KUALITI SARA-NEGERI

KEMPAEN BELI
BARANGAN
MALAYSIA

Tok Shop

Rojak

NIMS
CRISPY
CHOCO
TUB

Ubi Sambal

KOMUNIKASI KORPORAT



'O'

Kecemerlangan Organisasi

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKPK)
Bahagian Akaun (BA)
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
Bahagian Audit Dalam (BAD)
Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BDPSA)
Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Unit Integriti (UI)**

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

MAJLIS PERSARAAN KPND TAHUN 2025 SANJUNGAN BUDI KILAUAN BAKTI



15 Persaraan Wajib

12 Persaraan Pilihan

2 Persaraan Atas Sebab Kesihatan

3 Kematian

Majlis Persaraan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Tahun 2025 Sanjungan Budi Kilauan Bakti telah diadakan pada 13 November 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPND bertujuan sebagai apresiasi khas bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan 32 orang pesara KPND tahun 2025 atas segala sumbangan dan bakti sepanjang perkhidmatan. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPND ini adalah bagi

mengenang jasa dan sumbangan para pesara yang terlibat sepanjang bertugas dalam perkhidmatan awam.

Komitmen dan kesungguhan para pesara wajar dijadikan inspirasi kepada warga perkhidmatan awam yang masih berkhidmat. Setiap penjawat awam perlu terus berusaha menambah baik sistem penyampaian kerajaan bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan negara.



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) TAHUN 2025

Sepanjang tahun 2025, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali selaras Perlembagaan MBJ. Dua (2) mesyuarat telah diadakan di Pejabat KPDN manakala satu (1) mesyuarat telah dilaksanakan di luar pejabat termasuk lawatan Program *Community Drumming* di Dungun, Terengganu.

Secara keseluruhan, sebanyak 29 isu telah dibincangkan dalam ketiga-tiga mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2025 bagi memperkukuh hubungan kerjasama antara pihak pengurusan dan warga KPDN serta meningkatkan kebajikan dan penyampaian perkhidmatan organisasi.



Mesyuarat MBJ Bil 1/2025

28 Februari 2025
KPDN Putrajaya

Mesyuarat MBJ Bil 2/2025

11 Ogos 2025
Kuala Terengganu,
Terengganu

Mesyuarat MBJ Bil 3/2025

24 November 2025
KPDN Putrajaya



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) DAN AGENSI TAHUN 2024



463

**penerima Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang**

**285 Penerima
APC KPDN**

**72 Penerima Sijil
Perkhidmatan Cemerlang**

66 Penerima APC SSM

35 Penerima APC MyIPO

5 Penerima APC MyCC

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Agensi Tahun 2024 telah berlangsung pada 06 Mei 2025 (Selasa) bertempat di Dewan De'Seri Endon Puspanita, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Majlis APC 2024 ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sebagai penghargaan kepada warga KPDN dan Agensi yang telah memberikan khidmat yang cemerlang sepanjang tahun 2024.

Secara keseluruhannya seramai 463 orang penerima APC telah diputuskan oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pada 17 Februari 2025.



MAJLIS PELUNCURAN MASKOT SURIA KPDN

Program Pembudayaan Keseronokan Bekerja KPDN telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Sayuthi Bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN pada 25 Ogos 2025 di Dewan Serbaguna, KPDN Putrajaya. Majlis ini bermatlamat untuk menyuntik semangat positif dan meningkatkan kesejahteraan warga kerja dalam menjalankan tugas harian.

Punca Kuasa

Pembudayaan Keseronokan Bekerja dinyatakan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi 3 melalui Strategi Keberhasilan Reformasi 4 (SKR 4) bertujuan untuk memastikan perkhidmatan awam yang produktif dan berprestasi tinggi.

Apa itu Keseronokan Bekerja?

Kajian ini menegaskan bahawa suasana kerja yang positif dan pengalaman kerja yang menyenangkan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti interaksi interpersonal, motivasi pekerja dan prestasi organisasi secara keseluruhan.

Pelaksanaan

Berdasarkan Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam disesuaikan mengikut tiga (3) peringkat pelaksanaan iaitu organisasi, kepimpinan dan individu.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN (BKPK)

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS KEMENTERIAN TAHUN 2025

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Jenis Dasar Tahun 2025

JENIS DASAR	PERUNTUKAN DIPINDA 2025 (RM)	PERBELANJAAN 2025 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Pengurusan	377,537,490.00	364,618,177.26	96.58
PPDN	76,643,955.00	74,937,476.55	97.77
PPP	13,692,987.00	13,285,397.63	97.02
Program Khusus	1,522,826,288.00	2,533,361,735.96	166.36
Dasar Baru	319,900.00	319,900.00	100
One-Off	13,110,380.00	11,549,374.56	88.09
Jumlah Keseluruhan	2,004,131,000.00	2,998,072,061.96	149.59

BUTIRAN PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN KPDN 2025

KPDN telah diluluskan sebanyak **RM67,289,400.00** bagi peruntukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2025 meliputi **12 program pembangunan**. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pembangunan KPDN pada tahun 2025 adalah sebanyak **99.99%**.

KPDN telah membentangkan sebanyak dua (2) program bagi kajian penilaian keberhasilan program pembangunan tahun 2024 kepada Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),

Jabatan Perdana Menteri pada 30 April 2025. Kajian ini merupakan alat utama untuk mengukur kesan serta keberhasilan program pembangunan dalam usaha untuk mempertingkatkan aspek penilaian bagi memacu pencapaian **RMKe-12, Bab 13, Strategi C2: Menambahbaik Keberkesanan Pelaksanaan Projek (Mempertingkat Mekanisme Penyampaian Projek)**. Secara keseluruhan, KPDN telah berjaya memperoleh pencapaian sebanyak **85.1%**.

BIL	NAMA PROGRAM/PROJEK	% PERBELANJAAN
1.	PPP/PFI Blok 2G3 (KPDNHEP)	99.99%
2.	Penaiktarafan dan Peluasan <i>Integrated Enforcement & Management System</i> (IEMS)	99.98%
3.	Penaiktarafan Sistem Tribunal Tuntutan Pengguna (E-Tribunal)	100%
4.	Pemantapan dan Pengukuhan Keselamatan ICT KPDNHEP	99.99%

BIL	NAMA PROGRAM/PROJEK	% PERBELANJAAN
5.	Menambahbaik <i>Cyber Enforcement Security Centre</i> (CESC)	99.99%
6.	Kajian Semula Pelan Induk Perdagangan Penedgaran 2025-2035 (<i>Distributive Trade Masterplan 2025-2035</i>)	99.99%
7.	Kajian Semula Perundangan E-Dagang	99.99%
8.	Kajian <i>Consumer Empowerment Index</i> (CEI) Tahun 2025	99.26%
9.	Projek Pembangunan Kompleks Penyimpanan Ekshibit, Wilayah Tengah KPDN Selangor Di Lot 30343, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	99.99%
10.	Pembangunan Sistem Pencegahan Kebakaran Di Kompleks Penyimpanan Ekshibit Bahagian Penguatkuasaan KPDN Di Nilai, Negeri Sembilan	100%
11.	Kajian Pasaran Ekosistem Ekonomi Digital Di Bawah Akta Persaingan 2010	100%
12.	Dana IP 2.0	100%

PROGRAM UTAMA DAN PENCAPAIAN BKPK TAHUN 2025

1.

KPDN telah diisytiharkan Johan **Pertandingan Langkah Sihat Putrajaya 2025 - Cabaran Aktif Antara Kementerian** bagi Kategori M yang berlangsung selama 15 hari bermula pada 13 sehingga 27 Mei 2025. KPDN telah membentuk 13 pasukan dan berjaya meraih lapan (8) pingat emas dan tiga (3) pingat perak. Hadiah kemenangan bernilai RM2,000 berserta piala telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan sempena sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) Peringkat Kebangsaan pada 20 September 2025 di AEON Mall AU2, Setiawangsa.
2.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2025 peringkat KPDN telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 28 Ogos 2025. Antara pengisian HKHM ialah pertandingan keceriaan pejabat, Kuiz 5763, Pertandingan Kolaj@Merdeka, Tayangan filem "Takluk: Lahad Datu" dan Chit Chat@Merdeka. Kontinjen KPDN turut terlibat di dalam perbarisan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2025.
3.

Sempena Sambutan Hari Sukan Negara, **Karnival Sukan KPDN 2025** telah berlangsung pada 19 sehingga 21 November 2025 bertempat di Uptown Sports, Bangi. Temasya sukan ini menyaksikan semangat kesukanan dengan penyertaan 19 Kontinjen yang mewakili pelbagai bahagian dan agensi di bawah KPDN. Sebanyak lapan (8) acara telah dipertandingkan. Majlis Penutup Kejohanan disempurnakan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 21 November 2025. Kontinjen KPDN Ibu Pejabat telah berjaya merangkul Johan keseluruhan kejohanan.
4.

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN telah menyempurnakan Majlis Perasmian serta Pelancaran Sistem Repositori Digital dan Sistem Perpustakaan pada 17 Julai 2025 bersempena dengan **Hari Terbuka Perpustakaan KPDN**. Antara pengisian program ialah pertandingan Knowledge Hunt yang berkonsepkan pencarian maklumat secara interaktif dan santai bagi menggalakkan warga KPDN menerokai koleksi bahan rujukan.

5. **Program Hari Cuci Malaysia (HCM) 2025 peringkat KPDN** telah diadakan di Masjid AL-Imam AL-Nawawi, Ambangan Height, Sungai Petani, Kedah. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN. Program yang menyokong inisiatif oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berbentuk gotong-royong ini berjaya menarik penyertaan oleh 100 orang warga KPDN dan penduduk setempat.
6. **Sambutan Hari Inovasi Peringkat KPDN** telah diadakan pada 4 November 2025 dengan penglibatan 10 penyertaan pertandingan inovasi dari bahagian, agensi dan KPDN Negeri yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Amran Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan). Kumpulan daripada Bahagian Penguat Kuasa telah dinobatkan sebagai johan dalam Pertandingan Inovasi dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000.
7. **Program Pengurusan Berat Badan: Trim & Fit KPDN 2025** telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 9 April hingga 10 Oktober 2025 (6 bulan). Seramai 50 orang warga KPDN telah mengikuti program ini dan telah berjaya menurunkan antara 5.3% hingga 10.2 % daripada berat badan asal peserta.
8. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menerima **lawatan inspektorat daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2025**. Lawatan yang berlangsung dari 15 hingga 17 Julai 2025 ini bertujuan untuk menilai tahap pematuhan dan kualiti keselamatan perlindungan di kementerian. Penilaian oleh pihak CGSO ini merangkumi empat komponen utama iaitu Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen, Keselamatan Personel dan Keselamatan ICT.
9. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) WP Kuala Lumpur telah mengadakan pengauditan **Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di KPDN** pada 12 November 2025 untuk mengenalpasti tahap pematuhan dan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan serta kesihatan pekerjaan di KPDN. KPDN telah memperoleh penarafan Gred B dengan markah sebanyak 89.35% berbanding pengauditan kali terakhir 83.53% pada tahun 2021.

Sepanjang tahun 2025, BKPK telah melaksanakan **47 program, 37 kursus dan bengkel, 59 aktiviti audit dan naziran, 2 projek naik taraf serta 55 mesyuarat** utama bagi menyokong pencapaian objektif strategik Kementerian.



Majlis Perasmian Karnival Sukan KPDN pada 21 November 2025



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia Peringkat KPDN pada 28 Ogos 2025



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia Peringkat KPDN pada 28 Ogos 2025



YB Menteri bersama Kontinjen Sukan KPDN di Majlis Perasmian Karnival Sukan KPDN pada 21 November 2025



Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat KPDN pada 4 November 2025



Johan (Kategori M) Pertandingan Langkah Sihat Putrajaya 2025
Langkah Aktif Antara Kementerian



Program Hari Cuci Malaysia (HCM) Peringkat KPDN di Sungai Petani, Kedah



Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat KPDN pada 18 Oktober 2025



Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2025



Hari Terbuka Perpustakaan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN



Pertandingan Menyediakan Pencuci Mulut Manis Tapi Sedap



Runding Cara Pemakanan



Program Senaman Trim n Fit Merdeka



Kursus Kecergasan Trim & Fit @ Port Dickson



Modul Pemakanan Sihat di Pasaraya



Program PBB Trim & Fit



Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera



Trim & Fit Hiking

BAHAGIAN AKAUN

PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN KEMENTERIAN




Dalam meneruskan usaha memantapkan ketelusan dan akauntabiliti serta menjadi asas kukuh pembuatan keputusan strategik, Bahagian Akaun telah menyediakan Penyata Kewangan Kementerian (PKK) Berasaskan Akruan (Pra-Peralihan) secara bulanan dan tahunan. PKK KPDN bagi tahun kewangan 2025 yang disedia berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) telah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal pada 21 April 2026 sebelum dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). PKK ini memberi gambaran secara komprehensif kedudukan dan prestasi kewangan serta aliran tunai kementerian. Ringkasan bagi tahun kewangan 2025 berbanding 5 tahun terkini adalah di Rajah 1 dan Rajah 2.


KPDN mencatatkan pengukuhan kedudukan kewangan pada tahun 2025 dengan kenaikan aset bersih sebanyak 7.12% (RM26.96 juta) kepada RM405.85 juta, meskipun beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang kekal mencabar dan berintensif perbelanjaan. Prestasi ini didorong oleh peningkatan dalam aset tertentu, khususnya Aset Tak Ketara yang meningkat sebanyak 46.37% (RM6.47 juta), di samping pengurangan liabiliti Pajakan Kewangan hasil disiplin pembayaran balik yang berterusan serta pertumbuhan hasil. Walaupun jumlah aset keseluruhan mencatatkan sedikit

penyusutan, peningkatan nilai Aset Bersih mencerminkan keberkesanan strategi pengurusan liabiliti dalam memperkukuh kedudukan kewangan keseluruhan Kementerian.

Dari perspektif prestasi kewangan, KPDN kekal beroperasi dalam kedudukan defisit yang signifikan, sejajar dengan jurang asas antara keupayaan penajaan yang tinggi. Pengekal pola defisit ini adalah lazim bagi entiti sektor awam yang melaksanakan mandat sosial berskala besar. Walaupun terdapat peningkatan ketara dalam jumlah hasil sebanyak 72.3%, jumlah perbelanjaan KPDN pada tahun 2025 telah meningkat kepada RM3.03 bilion (+3.78%). Struktur perbelanjaan kekal didominasi oleh Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, khususnya penyaluran Subsidi Bantuan Makanan Dan Makanan Tambahan Kepada Syarikat Tidak Berkaitan Kerajaan berjumlah RM1.98 bilion. Bagi menampung jurang perbelanjaan yang besar berbanding hasil, struktur operasi masih memerlukan sokongan fiskal, selaras dengan mandat KPDN sebagai pelaksana utama intervensi sosioekonomi negara, khususnya dalam agenda menangani kos sara hidup melalui program subsidi dan bantuan kepenggunaan dan mengekalkan kestabilan pasaran.



Rajah 1: Trend Kedudukan Kewangan KPDN Bagi Lima (5) Tahun Kewangan




Rajah 2: Trend Hasil dan Perbelanjaan Bagi Lima (5) Tahun Kewangan

iPAYMENT: MEMPERKASA KECEKAPAN DAN INTEGRITI KPDN

Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (*iPayment*) telah diluncurkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 12 Februari 2025 di Kementerian Kewangan (MOF) bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti pengurusan hasil melalui peluasan kaedah pembayaran tanpa tunai bagi perkhidmatan Kerajaan. KPDN telah dipilih sebagai kementerian rintis untuk melaksanakan *iPayment* melalui kaedah integrasi dengan *Integrated Enforcement Management System* (IEMS) bagi perkhidmatan Kompaun *On the Spot* (KOTS) dan sewaan


ruang pejabat. Sesi *hands-on* melibatkan seramai 198 pegawai dari 60 Pejabat Pemungut termasuk libat urus bersama pengguna sistem telah dilaksanakan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan. Sebanyak 143 transaksi terimaan bernilai RM88,220 telah berjaya diperakaunkan pada tahun 2025, mencerminkan komitmen KPDN memperkukuh tadbir urus kewangan dan pengurusan hasil berimpak tinggi melalui inovasi digital. Pelaksanaan *iPayment* bagi perkhidmatan lain, terutama yang masih dilaksanakan secara manual akan dipertingkatkan pada tahun 2026.

PRESTASI PELAKSANAAN IPAYMENT SEHINGGA 31 DISEMBER 2025




PRESTASI BAYARAN BIL DAN TUNTUTAN

Dalam usaha memperkukuh ekosistem kewangan yang mampan dan dinamik, KPND kekal komited melaksanakan mandat pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh masa 14 hari. Melalui platform iGFMAS, KPND telah memproses sebanyak 86,473 transaksi, iaitu 99.99% daripada keseluruhan bil dan tuntutan tahun 2025 dalam tempoh 14 hari (**Rajah 1**). Trend perbandingan bagi tempoh lima (5) tahun terkini yang digambarkan oleh **Rajah 2** menunjukkan peningkatan konsisten kecekapan pembayaran, khususnya penyelesaian dalam tempoh 0-7 hari yang mencecah 84,534 transaksi berjumlah RM3.4 bilion pada tahun 2025. Pencapaian positif ini mencerminkan dedikasi KPND terhadap tadbir urus baik yang secara langsung menyumbang kepada kecairan kitaran modal di pasaran serta penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, responsif dan berakauntabiliti.



Rajah 1: Prestasi Bayaran KPND Tahun 2025.



Rajah 2: Trend Prestasi Bayaran KPND Bagi Tempoh Lima (5) Tahun Terkini

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



100 peserta
(50 orang setiap sesi)

Sesi 1: 12 November 2025
Sesi 2: 13 November 2025

Topik

- **Inisiatif AI@Work**
- **Gemini Canvas**
- **Image & Video Creation in Gemini**
- **Gemini Vids**
- **NotebookLM**
- **Google Sites**
- **Gemini dengan GMail, GMeet, GDrive, GDocs, GSlides & GSheets**
- **Taklimat Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam**



PROGRAM PEMBUDAYAAN AI@WORK

Selaras dengan keperluan transformasi digital dan peningkatan penggunaan AI dalam pengurusan dokumen, komunikasi serta produktiviti, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menganjurkan Program Pembudayaan AI@WORK sebagai platform pendedahan dan latihan praktikal kepada warga kementerian. Pengisian program merangkumi pengenalan inisiatif AI@Work, latihan penggunaan Gemini dalam aplikasi Google Workspace dan taklimat khusus berkaitan Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam.

Program ini memberi tumpuan kepada pemahaman asas AI, penggunaan alatan AI untuk tugas pejabat, pembangunan "prompting" yang berkesan dan aplikasi lain yang terdapat di dalam Google Workspace di bawah MyGovUC.

Objektif program adalah untuk:

1. Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan inisiatif AI@Work.
2. Meningkatkan kemahiran praktikal melalui sesi *hands-on Gemini AI@Google Workspace*.
3. Meningkatkan pemahaman peserta terhadap Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam sebagai rujukan penggunaan AI dengan lebih bertanggungjawab.

Program Pembudayaan AI@WORK telah berjaya dilaksanakan pada 12 dan 13 November 2025 dengan memberi penekanan kepada latihan praktikal Gemini AI dalam Google Workspace serta pemahaman Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam. Program ini wajar diteruskan secara berkala bagi memperkukuh budaya kerja digital dan meningkatkan produktiviti warga KPDN.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Join Sertai

**PROGRAM PEMBUDAYAAN
AI@WORK**

SESI 1
12 November 2025 | Rabu

SESI 2
13 November 2025 | Khamis

**DEWAN MAKAN,
ARAS 6 (PODIUM 1)**

Taklimat
Garis Panduan Pengadaptasian
Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam

Sesi Hands-on
Penggunaan Gemini AI @ Google Workspace

** Peserta dikehendaki membawa komputer riba

PENDAFTARAN

Sila imbas kod QR untuk
mendaftar

** Terhad kepada 50 orang setiap
sesi sahaja.

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT KPDN

Penggunaan teknologi keselamatan ICT bertujuan untuk menangani ancaman siber seperti serangan *malware*, virus, *phishing e-mail*, kecurian data dan sebagainya. Ia juga berperanan untuk melindungi aset ICT sesebuah organisasi.

Kementerian memandang serius mengenai isu ancaman keselamatan siber, terutamanya berkaitan dengan ketirisan maklumat, jenayah siber, kerentanan teknologi dan *hactivism* kerana ia menggugat kesejahteraan individu, kestabilan infrastruktur kritikal negara dan merosakkan reputasi organisasi serta menyebabkan kerugian wang ringgit.

Program ini telah dilaksanakan untuk mendidik warga Kementerian tentang tanggungjawab mereka dalam membantu melindungi kerahsiaan, ketersediaan dan integriti aset ICT Kementerian. Keselamatan ICT adalah tanggungjawab semua warga Kementerian. Program ini dilaksanakan dengan objektif berikut:

- (a) memberi pendedahan dan pemahaman kepada warga kerja KPDN mengenai kepentingan keselamatan ICT;
- (b) menyediakan kakitangan yang berpengetahuan untuk menghadapi pelbagai serangan dan ancaman keselamatan ICT; dan

- (c) membudayakan keselamatan ICT di kalangan warga Kementerian dalam melaksanakan tugas harian.

Setiap program melibatkan pegawai pelbagai skim dan gred dari Pejabat KPDN Negeri dan Cawangan seramai 100 orang bagi setiap zon.

Program-program yang dilaksanakan secara berkala ini dapat memberi kesedaran berkaitan ancaman keselamatan siber serta tanggungjawab warga Kementerian untuk melindungi maklumat daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Pendedahan melalui taklimat dengan pelbagai isu keselamatan siber serta amalan terbaik bagi tujuan menangani dan mencegah dari menjadi mangsa ancaman siber berupaya menjadikan warga Kementerian menjadi lebih cakna.



CMP Zon Timur 25 Februari 2025

Hotel Raia,
Kuala Terengganu,
Terengganu

CMP Zon Sabah dan WP Labuan 2 Julai 2025

Hotel Hyatt Regency,
Kota Kinabalu, Sabah

CMP Zon Sarawak 25 November 2025

Hotel Sheraton, Kuching
Sarawak



PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPDN

Pembangunan baharu Pelan Strategik Pendigitalan 2026 - 2030 KPDN bagi menggantikan Pelan Strategik ICT 2021 - 2025 telah bermula pada tahun 2025 dengan melaksanakan pelbagai bengkel berkaitan:

1. **Bengkel Pembangunan Analisis Persekitaran Dan Ekspektasi Pengurusan Bagi Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Siri 1 Tahun 2025** telah diadakan pada **27 dan 28 Ogos 2025** di Dewan Makan, Aras 6 (Podium 2), KPDN. Peserta bengkel adalah terdiri daripada *Change Expert* dan Pegawai BPM. Objektif bengkel adalah:
 - i. Memuktamadkan status pencapaian Pelan Strategik ICT bagi Tahun 2021 sehingga 2025;
 - ii. Memberi gambaran awal terhadap Pelan Strategik Pendigitalan KPDN dan Ekspektasi Pendigitalan Sektor Awam 2026 sehingga 2030; dan
 - iii. Menetapkan hala tuju strategik ICT.
2. **Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2026 hingga 2030 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)** pada **29 dan 30 September 2025** melibatkan penyertaan daripada *Change Champion* dan *Change Expert* daripada setiap Bahagian di Kementerian. Bengkel ini bertujuan untuk merancang pelan tindakan atau inisiatif yang akan dilaksanakan oleh setiap Bahagian dalam tempoh lima (5) tahun akan datang berpandukan Strategi dan Program bagi Teras Strategik ICT yang telah dibincangkan pada Bengkel Siri 1. Bengkel ini diterajui bersama oleh Pegawai dari Jabatan Digital Negara.
3. **Bootcamp Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PerSPSA) Tahun 2025** telah diadakan pada **13 hingga 16 Oktober 2025** anjuran Jabatan Digital Negara (JDN) di Refflesia Lounge, Taman Ekuestrian, Presint 5, Putrajaya. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran personel ICT sektor awam dalam membangunkan PSP agensi dengan mengaplikasikan Garis Panduan Penyediaan PerSPSA dan *Malaysia Government Enterprise Architecture* (MyGovEA). Objektif program adalah untuk memantapkan kompetensi dan kepakaran dalaman bagi mengurangkan kos outsource dan kebergantungan kepada pihak pembekal. Peserta adalah terdiri daripada empat (4) domain ICT iaitu **Aplikasi & Data, Keupayaan ICT (Modal Insan), Infrastruktur & Keselamatan ICT dan Tadbir Urus ICT** serta di peringkat **Pejabat Pengurusan Projek (PMO)** bagi pembangunan PSP di Kementerian.

BAHAGIAN AUDIT DALAM (BAD)

PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi dijalankan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada *The International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) untuk menentukan

sama ada projek/program/aktiviti yang dilaksanakan adalah cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.



Seksyen Audit Prestasi telah menjalankan dua (2) tajuk Pengauditan dan Bilangan Penemuan Audit seperti berikut:

5 Pengauditan Terhadap Penyelesaian Kertas Siasatan di Bahagian Penguatkuasa KPND

9 Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan, Penggunaan Dan Penyimpanan Senjata Api di Bahagian Penguat Kuasa KPND



PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan dan penilaian terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan kawalan pengurusan, bajet, perolehan, perbelanjaan, hasil, amanah/deposit, aset dan stor serta kenderaan telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.



Bilangan Isu Dibangkitkan

0

KPDN Negeri Perak

10

KPDN Negeri Kelantan

9

KPDN Cawangan Miri, Sarawak

12

KPDN Cawangan Sibul, Sarawak

10

KPDN Cawangan Bintulu, Sarawak



BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (BDPSA)

PROGRAM PEMUKIMAN (RETREAT) HALA TUJU DAN FOKUS KPDN TAHUN 2025



14 strategi.

28 inisiatif

94 aktiviti
telah dikenal pasti bagi
menggerakkan fokus dan
halatuju KPDN bagi tahun
2025

Program Pemukiman Hala Tuju dan Fokus KPDN bagi tahun 2025 telah diadakan pada 10 hingga 12 Januari 2025 bertempat di Avillion Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti program dan inisiatif baharu KPDN serta menetapkan hala tuju kementerian agar lebih komprehensif dan holistik bagi tahun 2025. Program utama yang dikenal pasti telah diperhalusi dan dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Kementerian Tier 1 hingga 4 dan dikemukakan sebagai inisiatif utama kementerian di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI.

Pemukiman Strategik ini telah dihadiri oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta pengurusan tertinggi KPDN, ketua-ketua agensi, pengarah-pengarah kanan, bahagian dan negeri.



PENYERTAAN KPDN DI EKSPLO OSAKA 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menyertai Ekspo 2025 Osaka, Kansai, Jepun pada 25 sehingga 31 Mei 2025 melalui Pavilion Malaysia bagi mempromosi agenda perdagangan domestik dan pendigitalan peruncitan. *Retail Digitalisation Initiative* (ReDI) telah dipilih mewakili Malaysia untuk *Theme Week The Future of Community and Mobility* bagi menekankan penggunaan *e-wallet* dan teknologi digital dalam perniagaan luar bandar. Sesi ini melibatkan wakil KPDN, TNG Digital dan usahawan peruncitan yang mempamerkan kepimpinan Malaysia dalam inovasi peruncitan digital di peringkat global.

KPDN turut menampilkan pameran perdagangan dalam negeri daripada penyedia *e-wallet*, syarikat jualan langsung terpilih *Direct Sales Association of Malaysia and Malaysian Direct Distribution Association* (DSAM & MDDA) dan MyIPO bagi mempamerkan inovasi harta intelek serta produk Petunjuk Geografi seperti Kebaya Nyonya Melaka dan Wau Kapal Selangor. Penyertaan ini membuka peluang pasaran antarabangsa, memperkukuh industri jualan langsung serta memartabatkan inovasi dan warisan budaya tempatan sebagai pemacu ekonomi berasaskan pengetahuan.



25,213

orang pengunjung
(sepanjang 25 hingga
31 Mei 2025)



KENDURI RAKYAT SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) KPDN MUKIM KAIDUAN, PAPAR, SABAH



**RM2.5
juta**

Jumlah peruntukan

16 projek fizikal

1 projek bukan fizikal

Status projek
100% Siap Sepenuhnya

Kenduri Rakyat Sempena Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) KPDN bagi Mukim Kaiduan telah diadakan pada 12 Julai 2025 di Sekolah Kebangsaan Kaiduan, Papar, Sabah dengan penyertaan seramai 1,200 penduduk. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi meraikan kejayaan pelaksanaan 17 projek di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI bertujuan mengukuhkan hubungan antara Kerajaan dan masyarakat. Hadir

sama dalam program ini ialah YB Datuk Juil Nuatim (ADUN Limbahau), YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar (Ketua Setiausaha KPDN), pegawai kanan KPDN, Pegawai Daerah Papar serta ketua dan wakil jabatan kerajaan. Program ini berjaya menguar-uarkan inisiatif Kerajaan di bawah Kampung Angkat MADANI, meningkatkan meningkatkan interaksi antara agensi Kerajaan dan rakyat di lapangan dengan merakyatkan perkhidmatan melibatkan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.



KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI KPDN TAHUN 2025 DI TIKAM BATU, SG. PETANI, KEDAH

Kampung Tikam Batu dan Sekolah Kebangsaan Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah masing-masing telah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI (KAM) dan Sekolah Angkat MADANI (SAM) KPDN bagi tahun 2025. Majlis Pelancaran Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI KPDN 2025 telah diadakan pada 13 September 2025 di Sungai Petani, Kedah dengan peruntukan RM1 juta untuk pembangunan kampung dan RM100,000 untuk sekolah. Antara projek pembangunan kampung adalah

pemasangan lampu solar, baik pulih jalan serta aktiviti komuniti seperti Jualan RAHMAH MADANI dan perkhidmatan bergerak agensi-agensi kerajaan yang bertujuan untuk merapatkan jurang bandar dan luar bandar selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Majlis Kenduri Rakyat dan Penyerahan Projek telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN pada 14 Februari 2025 dan dihadiri oleh lebih 1,000 penduduk setempat.



Kampung
Angkat MADANI

RM1 juta
Jumlah peruntukan

6 projek fizikal

2 projek bukan fizikal

Status projek
100% Siap Sepenuhnya



Sekolah
Angkat MADANI

RM100,000
Jumlah peruntukan

6 projek fizikal

1 projek bukan fizikal

Status projek
100% Siap Sepenuhnya



PENGANJURAN PROGRAM RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU DAN KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2025

Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025 telah berlangsung pada 5 hingga 7 Disember 2025 di Dataran Putrajaya dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Program ini bertujuan untuk mendekatkan Kerajaan dengan rakyat sebagai platform mempamerkan pencapaian serta hala tuju Malaysia MADANI disamping menyediakan pelbagai perkhidmatan, pameran, forum, aktiviti komuniti dan peluang ekonomi kepada rakyat.

Antara tarikan di Reruai KPDN :

- Advokasi dan perkhidmatan kepada rakyat merangkumi ezTTPM, *PriceCatcher* dan Portal Ihsan MADANI;
- Penampilan khas Maskot Kepenggunaan;
- Program Jualan RAHMAH MADANI dan PJRM *Back to School*; dan
- perkhidmatan bergerak oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BULETIN KPDN



KENYATAAN MEDIA



PINDAAN PERATURAN BERHUBUNG PENGUNAAN SILINDER LPG BERSUBSIDI DAN OPS KESAN 4.0 BERMULA 1 JULAI 2025

Sila Lihat Uraian PPKB (Pindaan) 2021 pada hari ini melibatkan gasingan sektor perlesenan-perlesenan peniaga makanan dan minuman bagi negeri Sarawak. Sila ini bertujuan memastikan maklumat yang berkaitan berkaitan cadangan pindaan terhadap perlesenan-perlesenan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Berbeda dengan PPKB (Pindaan) 2021 yang hanya membenarkan penggunaan silinder LPG bersubsidi tidak melebihi 42 kilogram pada satu-satu masa, pindaan yang dilaksanakan akan mengambil kira kepentingan peniaga mikro dan kecil dalam sektor makanan serta minuman. Para peniaga jualan makanan dan minuman yang menawarkan perkhidmatan pada harga yang bersejajar tidak perlu khawatir kerana mereka akan dijalin terus menjadi manfaat subsidi LPG.

Selain memberi penghidupan kepada keperluan para peniaga mikro dan kecil dalam sektor makanan serta minuman, cadangan pindaan ini penting untuk mengoptimumkan mekanisme kawalan untuk mengawal keliruan subsidi ini terutama yang melibatkan aspek penyelewengan dan penyelewengan. Sehubungan itu, KPDN mengalu-alukan pandangan semua pihak termasuk peniaga-perniagaan perlesenan makanan dan minuman sendiri untuk mengemukakan syor dan cadangan masing-masing.



PENDAFATAN KENDERAAN SYARikat PENGANGKUTAN DARAT AWAM DAN BARANGAN DI BAWAH SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS)

Dalam pelaksanaan penyisiran subsidi petrol RON95 yang akan diumumkan secara terperinci oleh Kementerian Kewangan Kelak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia mekanisme penyisiran subsidi untuk kenderaan pengangkutan darat awam dan barangan.

Sehubungan itu, KPDN telah membangunkan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS). Semasa kategori kenderaan pengangkutan awam dan barangan yang layak ialah seperti berikut:

Sektor Pengangkutan Darat Awam	Sektor Pengangkutan Darat Barangan
1. Taxis	1. Panel Van
2. Komeda Senas	2. Whoduck Van
3. Bas Sekolah	3. Sora Panel Van
4. Van Majarak	4. Lori Food Catering
5. Antaband	5. Van Food Catering
6. Bomba	6. Lori Rigid - Kargo Am
7. Bas Pengangkutan	7. Lori Rigid - Luri/Roket
8. Bas Berhenti-henti	8. Lori Rigid - Perkhidmatan Berhenti-henti
9. Bas Mini	9. Van Rigid - Perkhidmatan Berhenti-henti
	10. Van Rigid - Perkhidmatan Berhenti-henti
	11. Lori Rigid - Kargo Barangan
	12. Lori Rigid - Henti Perlesenan

Pendaftaran untuk mendapat manfaat subsidi petrol RON95 bagi kenderaan sektor pengangkutan yang disenaraikan akan dibuka melalui SKPS bermula 15 September 2025 (senin), jam 10.00 pagi di platform <https://mykpdn.kl.gov.my>



OPS TIRIS 3.0 DIPERKUKUH DI SARAWAK DI BAWAH INISIATIF KITA GEMPUR

Harini saya telah turun padang bersama Pegawai Pengawal Kuasa KPDN Sarawak dan wakil Kementerian Ulu dan Komunikasi Negeri Sarawak bagi memantau keberhasilan bekalan petrol RON95, Diesel dan Gas Petrolum Cezair (LPG) di Kuching.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 di bawah inisiatif KITA GEMPUR yang bertujuan memperkasa penguasaan dan membendung sebarang bentuk penyelewengan subsidi serta memastikan bekalan sampai kepada pengguna dengan harga yang ditetapkan di seluruh Sarawak.

Pemantauan telah dilaksanakan di Independent Oil Terminal (IOT) Seron Synergy Industrial Complex di Kuching, Sarawak. Melalui Orde Distribution of Gas, pengilangan bekalan LPG borat di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak monitorkan RON95 dan Diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta penetapan harga LPG di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencapaian 2011 masih di bawah bidang kuasa KPDN.

KPDN sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dari aspek Komuniti Drumming supaya pengguna di luar bandar tidak terbelah dengan kenaikan harga barang disebabkan kos pengangkutan yang tinggi untuk sebahagian kawasan di Sarawak.

KERATAN AKHBAR



INFOGRAFIK

SLOT TEMUBUAL



MAJLIS CITRA TRADISI BERSAMA MEDIA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Majlis Citra Tradisi pada 16 Mei 2025 bertempat di Langkah Syabas Beach Resort, Papar, Sabah. Penganjuran majlis ini dilihat sebagai ruang bermakna untuk merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan pengamal media atas dedikasi dan komitmen dalam melaporkan, menjelaskan serta memaknakan setiap dasar dan inisiatif kerajaan khususnya berkaitan inisiatif yang telah digagaskan oleh KPDN.

Majlis ini bukan sekadar meraikan, malah menjadi platform memperkukuh hubungan strategik antara KPDN bersama pengamal media ke arah komunikasi yang lebih efektif berteraskan nilai mesra rakyat.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama-sama YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN turut meluangkan masa menyantuni para pengamal media yang hadir ke majlis ini.



UNIT INTEGRITI

PELANCARAN BUKU STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH ORGANISASI KPDN 2024-2028

BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI DAN SUB-STRATEGI

4 BIDANG KEUTAMAAN

- Penguatkuasaan
- Perolehan
- Pelesenan Dan Permit
- Pentadbiran Dan Tatakelola

5 STRATEGI

- Pendidikan
- Kebertanggungjawaban Awam
- Suara Rakyat
- Penguatkuasaan
- Insentif

27 SUB-STRATEGI BAHAGIAN

- 1 Jangka Pendek
- 17 Jangka Sederhana
- 9 Jangka Panjang

19 SUB-STRATEGI NEGERI

- 1 Jangka Pendek
- 18 Jangka Sederhana

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merasmikan Majlis Pelancaran Buku Strategi Pembanteraan Rasuah Organisasi KPDN (OACS) 2024-2028 yang diadakan pada 6 November 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Aras G. Majlis ini turut dihadiri YBhg. Datuk Rozhiah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha KPDN (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), YBhg. Datuk Hj. Amran bin Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha KPDN (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), YBrs. TPr Lim Bee Kean (Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi SPRM) dan warga KPDN di peringkat Ibu Pejabat, KPDN Negeri serta cawangan di seluruh negara. Program ini telah berjaya menarik kehadiran warga KPDN secara fizikal dan atas talian seramai 500 orang.

Penggubalan Strategi Pembanteraan Rasuah Organisasi (OACS) KPDN adalah selaras dengan mandat bagi pembangunan Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) yang telah diperolehi melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17, dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada

6 Julai 2023. Penggubalan OACS KPDN juga sejajar dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Siri 2 No. 2 Tahun 2024 yang bertujuan mendukung usaha pemantapan tatakelola, integriti dan pembanteraan rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan melalui pelaksanaan Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional. Kerangka dasar dan strategi OACS ini terhasil daripada sesi perbincangan dan bengkel yang dijalankan bersama pegawai-pegawai daripada semua bahagian dan negeri KPDN.

OACS KPDN berdasarkan lima (5) strategi NACS meliputi isu-isu risiko dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani dan ianya dibahagikan berdasarkan kepada empat (4) bidang utama iaitu Penguatkuasaan, Pelesenan dan Permit, Perolehan, Pentadbiran dan Tatakelola. Ianya memerlukan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan strategi yang telah ditetapkan yang mana NACS merupakan rujukan utama dalam pembangunan pelan ini. OACS KPDN bertujuan mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk Malaysia berada dalam kalangan 25 negara teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang tahun 2033.



MEMPERKASA BUDAYA AMANAH: SOROTAN PROGRAM KHIDMAT NASIHAT & PEMATUHAN INTEGRITI 2025

Integriti bukan sekadar slogan, tetapi merupakan nadi tunjang keberkesanan sesebuah organisasi. Sepanjang tahun 2025, KPDN telah menggerakkan inisiatif berskala besar melalui Program Khidmat Nasihat Integriti, Bicara Integriti dan Pematuhan Integriti.

Program yang direncanakan berlangsung daripada bulan Januari hingga Disember melibatkan seluruh ekosistem KPDN, merangkumi peringkat negeri, cawangan dan bahagian. Ia merupakan satu manifestasi serius Kementerian dalam memastikan setiap warga kerjanya berpaksikan nilai murni dalam setiap urusan penyampaian perkhidmatan.

Misi Utama & Kesedaran Kolektif

Objektif utama program ini untuk:

- Membudayakan Tatakelola Baik: Memberi kefahaman mendalam mengenai kepentingan ketelusan dalam setiap aspek kerja.

- Pematuhan Tegas: Memastikan setiap warga KPDN peka dan patuh terhadap undang-undang, peraturan, dasar, serta garis panduan yang telah ditetapkan.
- Pengukuhan Nilai Murni: Menyuburkan rasa tanggungjawab dan amanah bagi mengelakkan sebarang ketirisan yang boleh menjejaskan imej organisasi.

Impak Terhadap Organisasi

Dengan penglibatan menyeluruh daripada semua peringkat warga KPDN, program ini diharapkan dapat melahirkan modal insan yang mempunyai "benteng diri" yang kuat. Melalui siri bicara integriti dan khidmat nasihat yang dijalankan, setiap cabaran dapat ditangani secara proaktif, sekali gus memastikan budaya kerja berintegriti dan undang-undang sentiasa diamalkan secara konsisten. Sesungguhnya, kecemerlangan KPDN pada masa hadapan bergantung kepada sejauh mana warganya menghayati nilai integriti pada hari ini.



6

**Khidmat Nasihat
Integriti**

8

Bicara Integriti

10

Pematuhan



MEMBUDAYA INTEGRITI, MEMPERKASA PSIKOLOGI: SOROTAN SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PSIKOLOGI KPDN 2025

Integriti Teras Kesejahteraan Negara bukan hanya tema dan slogan, tetapi merupakan nadi yang menggerakkan kecemerlangan sesebuah organisasi. Atas semangat tersebut, KPDN telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti dan Psikologi KPDN Tahun 2025 dengan penuh gilang-gemilang pada 6 November 2025.

Berlangsung di Dewan Serbaguna KPDN, majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN. Kehadiran seramai 500 warga Kementerian sama ada secara fizikal mahupun melalui platform dalam talian membuktikan komitmen tinggi warga KPDN dalam menyahut seruan budaya kerja beretika.

Seiring Aspirasi Nasional

Penganjuran sambutan peringkat Kementerian ini adalah selaras dengan Hari Integriti Nasional yang disambut pada 5 November setiap tahun. Sepanjang bulan November, pelbagai pengisian telah dirancang untuk memastikan mesej ketulusan dan akauntabiliti sampai ke segenap lapisan warga kerja.

Matlamat utamanya cukup jelas untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan warga KPDN bukan sahaja kompeten dalam tugas, malah memiliki daya tahan psikologi dan jati diri yang tinggi demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dialog OACS: Mengupas Tuntas Isu Integriti

Antara pengisian utama bersempena Hari Integriti adalah sesi dialog Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) KPDN. Sesi yang dikendalikan oleh Tuan Ramli bin Ismail, Ketua Unit Integriti, selaku moderator menampilkan barisan panelis yang seperti berikut:

- YBhg. Datuk Hj. Amran bin Hj. Ahmad (Timbalan Ketua Setiausaha KPDN (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan))
- YBhg. Datuk Haji Azman bin Adam (Ketua Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDN)

Diskusi ini berjaya mengupas pelbagai perspektif mengenai pengukuhan integriti dalam tugas harian, khususnya dalam menghadapi cabaran penguatkuasaan dan pengurusan kepenggunaan. Sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu bentuk muhasabah agar setiap penjawat awam terus membudayakan nilai murni dalam setiap tindakan.





‘K’

Ketangkasan Penguatkuasaan

**Bahagian Penguat Kuasa (BPGK)
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

BAHAGIAN PENGUAT KUASA

PELAKSANAAN OPS KESAN 4.0



Ops Kesan 4.0
2,692
premis melibatkan
10,021 SKU
telah diperiksa



2,608 notis
18 tindakan kes
di bawah Seksyen 21
Akta Kawalan Harga dan
Antipencatutan 2011

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan Ops Kesan 4.0 di seluruh negara mulai 1 Julai 2025 sehingga 14 Disember 2025. Ops Kesan 4.0 ini bertujuan memastikan setiap perniagaan

tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan semakan kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (SST).



SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sepanjang tahun 2025. Skim ini bertujuan untuk membendung kenaikan harga semasa musim perayaan yang utama di Malaysia seperti Tahun Baharu Cina, Hari Raya

Puasa, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas. Kawalan harga maksimum juga melindungi pengguna daripada manipulasi peniaga yang tidak beretika yang melakukan pencatutan. Ini bersesuaian dengan kefungsiian KPDN untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011.



6 SHMMP
22,823
pemeriksaan,
1,435 kes dan sitaan
sebanyak
RM54,919.49,
kompaun direkodkan
RM163,400.00



LAPORAN KESELURUHAN PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2025
15 JANUARI 2025 HINGGA 2 FEBRUARI 2025

PERINGKAT	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
PERINGKAT	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
PERINGKAT	8,907	0	483
PERINGKAT	21,942.85	53,509.06	11,180.00
PERINGKAT	0.00	0.00	0.00

BARANGAN BAGI TINGKATAN KE-2 MENYERTAI KESELURUHAN

BARANGAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
BARANGAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN

LAPORAN KESELURUHAN PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2025
14 MAC 2025 HINGGA 7 APRIL 2025

PERINGKAT	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
PERINGKAT	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
PERINGKAT	7,224	0	0
PERINGKAT	380	12,463.84	42,800.00
PERINGKAT	0.00	0.00	0.00

BARANGAN BAGI TINGKATAN KE-2 MENYERTAI KESELURUHAN

BARANGAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN
BARANGAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN	KESELURUHAN

PELAKSANAAN OPS GASAK



254 kes
direkodkan
RM7,878,773.47
nilai rampasan

KETANGKASAN PENGUATKUASAAN



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan Ops Gasak 2025 di seluruh negara mulai 1 Mei 2025 hingga 31 Oktober 2025. Ops Gasak 2025 ini memberi tumpuan untuk membendung dan membenteras penyelewengan dan ketirisan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi di pasaran. Hasil tindakan penguatkuasaan ini, timbul polemik dalam kalangan sektor perkhidmatan makanan dan minuman serta sektor dobi iaitu merujuk kepada keperluan Permit Barang Kawalan Berjadual (PBKB) apabila penggunaan LPG melebihi kuantiti yang dibenarkan di bawah peraturan sedia ada. Berikutan polemik yang timbul, Jawatankuasa Teknikal (JKT) Ops Gasak 2025 telah ditubuhkan bagi menilai semula pelaksanaan Peraturan 18, Peraturan-Peraturan

Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 dan memberi syor kepada kementerian untuk penambahbaikan dasar. Ini bersesuaian dengan kefungsi KPDN untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Kesalahan tertinggi yang direkodkan ialah pelanggaran Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 sebanyak 70 kes, iaitu menjual barang kawalan berjadual tanpa lesen. Diikuti pelanggaran di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) iaitu memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan yang melibatkan aktiviti penyimpanan dan pengedaran tidak sah.



LAWATAN KERJA KE LOJI PENGISIAN GAS PETROLEUM CECAIR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 menerusi lawatan kerja ke loji pengisian Gas Petroleum Cecair (LPG) yang dijalankan di Syarikat Solar Gas, Beranang Selangor pada 19 Ogos 2025. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meneliti dengan lebih dekat proses operasi pengisian, penyimpanan dan pengedaran tong LPG bagi memastikan setiap prosedur mematuhi piawaian serta spesifikasi yang telah ditetapkan. Selain itu,

lawatan ini turut berperanan sebagai platform advokasi dan pendidikan yang secara tidak langsung dapat menggalakkan kerjasama strategik serta memperkukuh hubungan antara Kementerian dan pihak industri. Usaha ini seterusnya dijangka dapat meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman industri terhadap kepentingan pematuhan undang-undang, sekali gus memastikan hak pengguna sentiasa terpelihara melalui bekalan barang perlu yang mencukupi.



RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2025

Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2025 telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 1 Disember 2025. Pindaan ini dijangka membawa pembaharuan besar terhadap Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212] sebagai sebahagian daripada usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk memperkukuh perlindungan pengguna kredit serta meningkatkan tahap ketelusan, keadilan dan tanggungjawab dalam industri sewa beli.

Pelaksanaan pindaan terhadap Akta 212 ini adalah selaras dengan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna 2025 yang bertujuan untuk mewujudkan kerangka kawal selia menyeluruh bagi sektor kredit pengguna, selain menubuhkan Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) sebagai badan pengawal selia baharu.

Antara pindaan utama yang diluluskan adalah memansuhkan kadar faedah tetap sama rata dan kaedah Peraturan 78 dan penggunaan kadar faedah efektif serta kaedah baki berkurangan. Pindaan ini memperuntukkan kaedah penyelesaian yang lebih saksama bagi pengguna, terutamanya dalam isu pengiraan caj terma berbanding kaedah yang diguna pakai sekarang. Kaedah baharu ini

akan memastikan bahawa pengguna tidak dikenakan beban kewangan yang tidak munasabah sekiranya mereka memilih untuk menyelesaikan perjanjian lebih awal atau sekiranya berlaku penamatan perjanjian. Ini akan memberikan penyelesaian kewangan yang lebih adil dan telus kepada pengguna.

Selain itu, pindaan memperuntukkan perluasan penggunaan teknologi terkini bagi urusan perjanjian sewa beli selaras dengan perkembangan teknologi. Pindaan ini membolehkan penggunaan teknologi baharu untuk memeterai perjanjian sewa beli termasuk pemeteraian perjanjian secara digital dan elektronik yang akan menjadikan proses urus niaga lebih pantas, cekap serta mudah diakses oleh kedua-dua pihak.

Pindaan juga melibatkan pengemaskinian terma lapuk istilah kadar asas pinjaman kepada istilah kadar rujukan. Pindaan ini akan meminda terma-terma lapuk dan peruntukan yang tidak lagi relevan dalam akta sedia ada agar menjadikannya selari dengan standard pengawalseliaan semasa dan amalan terbaik di peringkat global.



SEKSYEN PERISIKAN

Seksyen Perisikan Bahagian Penguat Kuasa KPDN berperanan penting sebagai nadi utama dalam pengumpulan, penganalisisan dan penyaluran maklumat bagi memacu tindakan operasi penguatkuasaan berimpak tinggi. Sepanjang tahun 2025, seksyen perisikan fokus kepada usaha mengesan modus operandi sindiket penyelewengan barang kawalan bersubsidi, khususnya diesel, petrol, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak peket. Dalam tempoh ini juga, Seksyen Perisikan telah mempergiat usaha risikan terhadap kes berkaitan Gas Petroleum Cecair (LPG) bagi menjayakan Ops Gasak iaitu sebuah inisiatif khusus membanteras ketirisan LPG yang dilaksanakan berteraskan penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

DATA DAN STATISTIK PENCAPAIAN (JANUARI – DISEMBER 2025)

Berdasarkan pemantauan dan tindakan risikan yang dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025, Seksyen Perisikan telah mencatatkan pencapaian seperti berikut:



ANALISIS KES

Fokus risikan pada tahun 2025 banyak tertumpu kepada isu penyelewengan bahan api dan keperluan asas. Pecahan kes mengikut kes adalah seperti berikut:




RUMUSAN

Kejayaan menghasilkan nilai rampasan melebihi RM3.3 juta daripada hanya 16 kes fizikal menunjukkan kualiti risikan yang tinggi dan berfokus kepada sindiket utama. Nisbah rampasan yang tinggi bagi setiap kes ini menjadi indikator kukuh bahawa strategi risikan berjaya menumpaskan sindiket- sindiket tersebut dan melindungi kepentingan ekonomi domestik.

ASAS PENGUATKUASAAN



DASHBOARD SEKSYEN PERISIKAN



SEKSYEN AMLA

Seksyen Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) komited membanteras jenayah kewangan yang melibatkan perniagaan haram, skim piramid dan penyelewengan barang kawalan bersubsidi di bawah Akta 613. Sepanjang tahun 2025, seksyen ini telah memperkukuh rejim Pencegahan Pengubahan Wang Haram negara melalui penguatkuasaan agresif serta kerjasama strategik bersama agensi nasional dan antarabangsa. Keberkesanan tindakan ini dizahirkan menerusi peningkatan nilai pembekuan dan penyitaan harta hasil aktiviti haram, sekali gus melindungi integriti pasaran domestik serta kestabilan ekonomi negara daripada ancaman penjenayah kewangan.

PROGRAM 1: OPS SAKU 2025

Tarikh: Sepanjang Tahun 2025.

Tempat: Seluruh Negara.

Matlamat: Perolehan/pemulihan harta jenayah pengubahan wang haram. Memfokuskan ke atas pengambilan harta hasil dari pengubahan wang haram untuk dijadikan hasil kerajaan.

Pencapaian: Berjaya memulihkan harta jenayah melalui nilai kompaun atau pemulihan aset yang difailkan berjumlah RM3,957,049.06.

Manfaat: Menyekat insentif kewangan penjenayah daripada mengulangi kesalahan dan meningkatkan hasil negara melalui tindakan undang-undang yang tegas.

Kategori Tindakan	Nilai (RM)
Pembekuan Harta Alih (Institusi Kewangan)	RM 8,349,006.18
Penyitaan Harta Alih (Institusi Kewangan)	RM 5,141,123.37
Hasil Ops Saku (Kompaun/Penalti/Pelucuthakan)	RM 3,957,049.06
Jumlah Keseluruhan Tindakan 2025	RM 17,447,178.61

SEKSYEN SIASATAN DAN SERBUAN

BAHAGIAN PENGUAT KUASA RANGKUL JUARA HARI INOVASI PERINGKAT KPDN TAHUN 2025

Seksyen Siasatan dan Serbuan telah berjaya merangkul tempat pertama bagi kategori Kaedah Pengkompaunan Kompaun *On The Spot* (KOTS) melalui Pendigitalan Proses Serbuan dan Siasatan Tanpa Kertas siasatan fizikal pada Hari Inovasi Peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2025 yang telah diadakan pada 4 November 2025. Pemenang telah berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM5,000 yang terdiri daripada empat (4) orang ahli kumpulan dari Bahagian Penguat Kuasa.



PROGRAM TOWN HALL DAN MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK PENGUATKUASAAN YANG DISEMPURNAKAN OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI SEMPERNA SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KE-53 TAHUN 2025



450 peserta
terdiri daripada
250 penguat kuasa,
100 rakan strategik
penguatkuasaan dan
100 pemain industri

Program *Town Hall* dan Majlis Apresiasi Rakan Strategik Penguatkuasaan sempena Sambutan Hari Penguat Kuasa Ke-53 telah dianjurkan pada 3 Julai 2025 di Putrajaya bagi memperkukuh komunikasi dua hala antara kepimpinan kementerian dengan warga penguat kuasa. Platform ini berfungsi sebagai medan perkongsian pengalaman dan penyelarasan tindakan antara pelbagai agensi bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara bersepadu, efisien serta responsif terhadap cabaran semasa dan keperluan masyarakat.

Selain itu, Majlis Apresiasi ini diadakan sebagai pengiktirafan rasmi terhadap sumbangan rakan strategik yang sentiasa menyokong agenda penguatkuasaan kementerian. Melalui penghargaan ini, kementerian berhasrat meningkatkan motivasi, komitmen, serta memperkukuh nilai profesionalisme dan integriti dalam kalangan semua pihak yang terlibat bagi menjamin kecemerlangan penguatkuasaan pada masa hadapan.

Sesi *Town Hall* melibatkan lebih **450 peserta**, terdiri daripada 250 warga penguat kuasa, 100 wakil rakan strategik penguatkuasaan dan 100 pemain industri. Pelaksanaan *Town Hall* ini memberi impak positif kepada yang hadir dengan soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh *moderator* dan tetamu jemputan dikalangan agensi penguatkuasaan merangkumi isu:

- Operasi penguatkuasaan
- Kekangan dan Kebajikan
- Kerjasama inter-agensi dan rakan strategik

Manakala Majlis Apresiasi Rakan Strategik Penguatkuasaan pula bertujuan memberi pengiktirafan kepada 25 agensi yang menunjukkan komitmen cemerlang dalam menyokong penguatkuasaan undang-undang. Pengiktirafan ini telah meningkatkan motivasi rakan strategik dan memperkukuh hubungan antara kementerian dan pelbagai agensi.



SEMINAR PERLINDUNGAN HARTA INTELEK



Januari hingga
31 November 2025

885 laman
sesawang haram
disekat kerana
menyebarkan kandungan
cetak rompak

53 kes telah
dihasilkan di bawah Akta
Hak Cipta 1987

RM1.2 juta
nilai rampasan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi penguatkuasaan serta pemilik harta intelek bagi memperkasa penguatkuasaan perlindungan hak harta intelek, sama ada di peringkat nasional mahupun global. KPDN dengan kerjasama ASTRO Malaysia dan MyIPO telah menganjurkan satu sesi libat urus berhubung Perlindungan Harta Intelek Digital Di Malaysia pada 14 Januari 2025. Program ini bertujuan menangani isu cetak rompak dalam platform digital serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menghormati hak harta intelek. Perlindungan harta

intelek yang berkesan amat penting bagi mewujudkan ekosistem yang kondusif, seterusnya menarik keyakinan dan pelaburan asing ke negara ini.



OPERASI MEMBANTERAS ATIVITI PENJUALAN BARANG TIRUAN



Januari hingga
31 November 2025

369 kes
pelanggan di bawah
Akta Cap Dagangan 2019

RM12 juta
nilai rampasan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkasa penguatkuasaan perlindungan hak harta intelek khususnya membanteras aktiviti penjualan barang tiruan menerusi **Ops Putra 7.0** yang dijalankan di **Jalan Petaling, Kuala Lumpur** pada **08 Ogos 2025**. KPDN tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana peniaga yang didapati menjual barangan tiruan serta menggunakan cap dagangan

berdaftar tanpa kebenaran pemiliknya. Usaha membanteras penjualan barangan tiruan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan reputasi Malaysia terus terpelihara di dalam senarai pemantauan *United States Trade Representative* (USTR). Perlindungan harta intelek yang berkesan amat penting bagi mewujudkan ekosistem yang kondusif, seterusnya menarik keyakinan dan pelaburan asing ke negara ini.

PELANCARAN DAN SESI SIDANG MEDIA PENGUATKUASAAN PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN MINYAK ENJIN BAGI KENDERAAN MOTOR) 2024

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pelancaran dan sesi sidang media berhubung penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor) 2024 pada **20 Mac 2025** di **Petronas Melaka Lube Blending Plant, Melaka**. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri KPDN. Perintah ini telah diwartakan pada 11 Oktober 2024 dan tarikh permulaan kuat kuasa perintah ini adalah pada 7 April 2025. Namun begitu, setelah mengambil kira maklum balas dan permohonan daripada pemain industri

dan persatuan berkaitan minyak enjin berhubung ketersediaan mereka untuk mematuhi perintah ini, Kementerian kemudiannya telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh permulaan kuat kuasa perintah kepada 7 Oktober 2025. Perintah ini digubal dengan tujuan utama untuk melindungi pengguna daripada risiko penggunaan minyak enjin tiruan yang boleh merosakkan kenderaan dan mengundang risiko kemalangan jalan raya sekiranya pengguna menggunakan produk tiruan yang tidak selamat. Dalam masa yang sama, perintah ini dapat memastikan hanya produk yang tulen dan telah diperakukan oleh pihak SIRIM sahaja berada dalam pasaran.



sehingga 30 November 2025

642
pemeriksaan
telah dijalankan

143 amaran
telah dikeluarkan kepada
peniaga di seluruh Negara



PROGRAM PATUH

Program PATUH merupakan satu inisiatif di bawah Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bermatlamat untuk melindungi hak pengguna serta mewujudkan golongan peniaga yang berhemah. Tujuan program ini memperkukuhkan pematuhan perundangan dalam kalangan peniaga dan memupuk elemen kawalan sendiri serta etika perniagaan yang tinggi dalam amalan perniagaan harian. Secara ringkasnya, identiti program ini dirangkumkan melalui akronim **PATUH** yang merangkumi lima kriteria utama dalam urus niaga:

- P** Penandaan harga pada barangan yang dijual.
- A** Alat timbang yang telah ditentusahkan.
- T** Transaksi jualan yang jelas.
- U** Urus niaga yang dijalankan secara telus.
- H** Harga yang munasabah dan tiada pencatutan.

Program ini dilaksanakan di seluruh negeri dengan memfokuskan kepada pelbagai sektor seperti Program Pasar PATUH (3P), Zon Persinggah PATUH (ZPP) melibatkan kawasan Rehat & Rawat (R&R) PLUS, Zon Tumpuan Pelancongan PATUH (ZTPP), kedai serbaneka PATUH, Pasaraya PATUH dan Restoran PATUH. Melalui elemen advokasi dan pengiktirafan, Program PATUH berusaha membina persekitaran ekonomi yang adil selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Program PATUH ini melibatkan kerjasama strategik antara pelbagai agensi bagi memastikan pematuhan perundangan yang menyeluruh.

Bagi tempoh Januari hingga 31 November 2025, KPDN telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di **16 Pasar Awam** diseluruh negara dan **20 kawasan rehat dan rawat (R&R) PLUS** di zon tengah bagi Program Zon Persinggahan PATUH. Perasmian Program PATUH ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 29 Oktober 2025 di Kawasan Rehat dan Rawat Seremban Arah Selatan dengan kerjasama pihak PLUS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).



OPS TIRIS 3.0

Berdasarkan perkembangan positif yang ditunjukkan dalam pelaksanaan Ops Tiris, Ops Tiris 3.0 diteruskan bermula 1 Januari 2025 bagi meneruskan tindakan penguatkuasaan dan membanteras ketirisan minyak diesel bersubsidi.

Kerjasama erat bersama agensi penguatkuasaan lain juga terus diperhebat bagi memastikan aktiviti penyelewengan serta ketirisan barang kawalan dan bersubsidi dapat dibanteras dengan lebih holistik.

Kementerian dan agensi terlibat terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan beberapa agensi penguatkuasaan lain.

Pelaksanaan Ops Tiris 3.0 juga telah diperluaskan kepada lima (5) jenis komoditi lain iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkus polibeg 1kg, tepung gandum, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

KOMODITI	JUMLAH PEMERIKSAAN	BIL KES	NILAI RAMPASAN BARANG KAWALAN (RM)	NILAI RAMPASAN BARANGAN LAIN (RM)	NILAI RAMPASAN KESELURUHAN (RM)	BIL TANGKAPAN
DIESEL	17,872	503	12,935,058.45	41,524,834.64	54,459,893.09	278
PETROL RON95		797	834,220.61			
LPG		361	2,363,341.52			
MINYAK MASAK	29,334	404	1,496,862.12	21,350,778.22	27,231,785.38	426
GULA		192	303,700.61			
TEPUNG GANDUM		91	882,882.30			
JUMLAH	47,206	2,348	18,816,065.61	62,875,612.86	81,691,678.47	704



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

Mula ditubuhkan pada 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, MyCC telah menyambut ulang tahun yang ke-14 pada 1 April 2025. Pada tahun ini, MyCC terus mengukuhkan reputasinya dengan mengenakan penalti kewangan sebanyak RM446,000 terhadap tujuh (7) syarikat yang terlibat dalam kartel tipuan bida. Selain itu, MyCC juga mengeluarkan tiga (3) Keputusan Cadangan terhadap dua (2) kes kartel tipuan bida dan satu kartel penetapan harga.

MyCC telah berjaya mengenakan penalti kewangan sebanyak RM667.4 juta terhadap 118 syarikat kerana terlibat dalam kartel dan dua (2) syarikat monopoli yang menyalahgunakan kedudukan mereka.

Setakat ini, MyCC sedang menyiasat 12 kes yang membabitkan lebih 500 perusahaan kerana disyaki terlibat dalam kartel tipuan bida bagi tender bernilai RM2.38 bilion.

Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta 712 untuk memperkenalkan rejim kawalan pencantuman, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Keputusan Akhir dan Keputusan Cadangan bagi Kes Pelanggaran Akta Persaingan 2010

MyCC bertanggungjawab memantau sebarang amalan anti-persaingan, termasuklah pembentukan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh syarikat-syarikat yang memonopoli pasaran tertentu.

Penyiasatan boleh dilakukan oleh MyCC dalam mana-mana situasi yang berikut:

- i. sekiranya mendapat arahan Menteri;
- ii. apabila terdapat pihak yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang membabitkan pelanggaran undang-undang dalam Akta Persaingan 2010; atau
- iii. sekiranya terdapat sebarang aduan daripada orang awam.

Berdasarkan Akta Persaingan 2010, selepas selesai sesuatu penyiasatan, MyCC perlu mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada perusahaan yang disyaki melanggar larangan di bawah Bahagian II Seksyen 4 (Perjanjian Antipersaingan) atau Seksyen 10 (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan).

Susulan daripada Keputusan Cadangan tersebut, sekiranya didapati berlakunya pelanggaran di bawah Bahagian II, maka MyCC harus mengemukakan Keputusan Akhir berkenaan dengan pelanggaran tersebut kepada pihak yang terlibat dalam pelanggaran tersebut.

Tujuan Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir dikeluarkan oleh MyCC adalah untuk memaklumkan keputusan berdasarkan hasil penyiasatan MyCC kepada pihak yang disyaki atau didapati terlibat dalam pelanggaran di bawah Bahagian II Akta Persaingan 2010.

Pencapaian Penyiasatan dan Penguatkuasaan 2025

Terdapat **dua (2) Keputusan Akhir** yang telah dikeluarkan oleh MyCC pada tahun 2025 iaitu:

i. Keputusan Dapatan Pelanggaran Terhadap Lapan Perusahaan Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Kartel Tipuan Bida

Keputusan Dapatan Pelanggaran telah dikeluarkan pada 27 Februari 2025 terhadap lapan (8) perusahaan kerana terlibat dalam aktiviti tipuan bida pada tahun 2019 melibatkan dua (2) tender yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan satu (1) tender yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan anggaran jumlah nilai ketiga-tiga tender tersebut sebanyak RM474 juta untuk kerja-kerja pembinaan jalan dan sistem tebatan banjir.

Selepas semakan menyeluruh terhadap bukti-bukti dan pertimbangan teliti terhadap representasi bertulis oleh kelapan-lapan perusahaan tersebut, MyCC telah memutuskan bahawa perlakuan syarikat-syarikat tersebut membawa kepada pelanggaran di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dan dikenakan penalti kewangan berjumlah RM92.8 juta.

ii. Keputusan Dapatan Pelanggaran Terhadap Tiga Perusahaan Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Kartel Tipuan Bida

Keputusan Dapatan Pelanggaran telah dikeluarkan pada 8 Julai 2025 terhadap tiga (3) perusahaan kerana terlibat dalam aktiviti tipuan bida melibatkan enam (6) tender kerja-kerja penyenggaraan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ). Jumlah keseluruhan tender ini dianggarkan bernilai kira-kira RM45 juta yang melibatkan dua (2) tender pada tahun 2018, tiga (3) tender pada tahun 2019 dan satu (1) tender pada tahun 2021.

Selepas semakan menyeluruh terhadap bukti-bukti dan pertimbangan teliti terhadap representasi bertulis oleh ketiga-tiga perusahaan tersebut, MyCC telah memutuskan bahawa perlakuan syarikat-syarikat tersebut membawa kepada pelanggaran di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dan dikenakan penalti kewangan berjumlah RM2.98 juta.

MyCC juga telah mengeluarkan **tiga (3) Keputusan Cadangan** pada tahun 2025 iaitu:

i. Keputusan Cadangan Terhadap 22 Perusahaan Yang Terlibat Dalam Kartel Penetapan Harga

Keputusan Cadangan telah dikeluarkan kepada 22 perusahaan pada 15 April 2025 kerana terlibat dengan perjanjian penetapan harga yang merupakan satu pelanggaran di bawah Seksyen 4(2)(a) Akta 712 bagi penyediaan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Selangor.

ii. Keputusan Cadangan Terhadap 6 Perusahaan Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Kartel Tipuan Bida

Keputusan Cadangan telah dikeluarkan kepada enam (6) perusahaan pada 23 Disember 2025 atas pelanggaran Seksyen 4(2)(d) Akta 712 kerana terlibat dalam aktiviti kartel tipuan bida yang melibatkan 16 sebut harga dan satu (1) tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Kluang dengan jumlah nilai keseluruhan sebanyak RM7.3 juta.

iii. Keputusan Cadangan Terhadap 31 Perusahaan Yang Terlibat Dalam Kartel Penetapan Harga

Keputusan Cadangan telah dikeluarkan kepada 31 perusahaan pada 29 Disember 2025 kerana terlibat dengan perjanjian penetapan harga yang merupakan satu pelanggaran di bawah seksyen 4(2)(a) Akta 712 bagi penyediaan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak di Kelantan.

MyCC juga telah menerima **satu (1) Aku Janji** pada tahun 2025 daripada Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok yang telah mengumumkan keputusan kolektif mereka untuk mengenakan bayaran tambahan bahan bakar sebanyak RM3.00 bagi tambang perkhidmatan bot laju Menumbok ke Labuan bermula 1 November 2025. Pengumuman ini telah menarik perhatian YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Pada tarikh

5 November 2025, beliau telah mengarahkan MyCC untuk memulakan penyiasatan terhadap perusahaan yang merupakan ahli-ahli persatuan tersebut. Tindakan penyiasatan ini telah menyebabkan persatuan tersebut menarik semula pelaksanaan surcaj bahan bakar pada 11 November 2025 dan telah memberi Aku Janji kepada MyCC untuk tidak mengulangi pelakuan kartel penetapan harga pada 19 Disember 2025.

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Simposium Undang-Undang Persaingan: *"Behind Closed Doors: The Hidden Drivers of Market Distortion"*

Pada 16 Januari 2025, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Simposium Undang-Undang Persaingan dengan tema ***"Behind Closed Doors: The Hidden Drivers of Market Distortion"***. Simposium ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Sheraton Imperial Kuala Lumpur Hotel.

Simposium ini dianjurkan dengan tujuan utama untuk mendalami isu-isu kritikal berkaitan persaingan serta mendedahkan faktor-faktor tersembunyi yang memanipulasi pasaran dan memberi impak kepada sosio-ekonomi negara. Simposium ini menjadi platform penting untuk menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha bertukar pandangan dan memperkukuh pemahaman mengenai pemandu tersembunyi bagi herotan pasaran, terutamanya melibatkan isu tipuan

bida dalam perolehan awam, impak kartel atau monopoli terhadap harga makanan, perkembangan global dalam kawalan penggabungan serta cabaran kawal selia terhadap syarikat teknologi gergasi.

Melalui simposium ini, beberapa barisan pakar terkemuka dalam undang-undang persaingan telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan kepakaran mereka. Antara pakar-pakar persaingan tersebut termasuklah Prof. William Kovacic, Kathryn Fenton, YBrs. Prof. Yeah Kim Leng, Harikumar Sukumar Pillay dan Lip Hang Poh. Perkongsian ilmu dan pengalaman mereka telah memberikan sudut pandang yang meluas dan membolehkan peserta mendapatkan gambaran mengenai pelaksanaan dasar persaingan di peringkat global dan rantau Asia Tenggara.



MyCC Competition Summit 2025: "Strengthening Competition Through the 'G' in ESG For Sustainable Future"

Pada 30 Oktober 2025, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan *MyCC Competition Summit 2025* dengan tema "**Strengthening Competition Through the 'G' in ESG For Sustainable Future**". Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Sunway Pyramid Convention Centre.

Persidangan ini memberi tumpuan kepada perbincangan mendalam mengenai peranan tatakelola (aspek 'G' dalam ESG) dan undang-undang persaingan dalam memperkukuh integriti pasaran. Persidangan ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama merentas bidang kuasa melalui perkongsian pengalaman penguatkuasaan bagi menangani isu seperti tipuan bida dalam perolehan awam yang menjejaskan dana negara. Selain itu, topik berkaitan rejim kawalan pencantuman menjadi agenda utama bagi membincangkan bagaimana ia berfungsi sebagai pelindung tatakelola untuk memelihara daya saing industri dan kebajikan pengguna.

Seramai 300 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada pakar-pakar persaingan dari negara-negara luar seperti Mesir, Kerajaan Arab Saudi, Korea Selatan,

Indonesia, Filipina dan Singapura, pegawai-pegawai MyCC, pegawai-pegawai Kerajaan, pengamal undang-undang, pakar-pakar ekonomi, perusahaan dan entiti perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti, pelatih dalam kamar serta wakil-wakil *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Melalui persidangan ini, barisan pakar-pakar terkemuka dalam persaingan telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan kepakaran mereka. Antara pakar-pakar persaingan tersebut termasuklah Rasul Butt, Tuan Yang Terutama Birol Küle, Farah Ouf, Melita Kristin Meliala, Deuk-Kyu Lee, YBrs. Prof. Madya Dr. Haniff bin Ahamat, Cik Samantha Tai, YBrs. Mr. Ahmad Fauzi bin Sungip, YBrs. Dr. Adlan Abdul Razak, YBrs. Encik Anand Raj, Fahad Al-Shathri, Michael G. Aguinaldo, YBrs. Encik. Razman Hashim, Alessandra Tonazzi, Lip Hang Poh, YBrs. Encik Tan Wei Han, YBrs. Encik Suhaimi Ali, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, YBrs. Encik Julian M. Hashim, YBrs. Mr. Wan Mohd Azran Wan Mahmood dan YBrs. Cik Suhana Dewi Selamat. Barisan pakar-pakar tersebut telah memperkasakan persidangan ini sebagai satu platform perkongsian ilmu buat para peserta persidangan.





'P'

Pemacu Ekonomi Domestik

**Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)
Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)
Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL)
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)**

SEKRETARIAT PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN INDUSTRI PERKHIDMATAN

KEMBARA ReDI ZON SABAH DAN SARAWAK



Sepanjang 10 hari program, seramai

10,408
peniaga
baharu

telah berjaya didaftarkan,
merangkumi

3,777 peniaga di
Sarawak dan

6,631 peniaga di
Sabah

Program Kembara ReDI Zon Sabah dan Sarawak di bawah **Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative - ReDI)** telah diadakan pada **26 Jun hingga 5 Julai 2025** yang melibatkan laluan dari Sematan, Sarawak hingga Tawau, Sabah. Program Kembara ReDI merupakan inisiatif advokasi dan pendaftaran peniaga secara berkumpulan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama 27 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta penyedia *e-wallet* di 30 lokasi terpilih, merangkumi jarak perjalanan sejauh 2,421 km dalam tempoh 10 hari.

AKTIVITI:

- *Flag Off* Zon Sarawak oleh Pengarah SPIP
- Advokasi dan *onboarding* peniaga
- Program Sembang Santai Bersama ADUN Tellian di Mukah
- Program Pengguna Celik Digital di SK Limbang
- *Flag Off* Zon Sabah dan Perasmian mural ReDI di Papar, Sabah oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri KPDN
- Lawatan ke Pusat Pengedaran Barang Perlu di Sukau, Kinabatangan
- Sesi Perkongsian Pengalaman Program Kembara ReDI bersempena Karnival Celik Kewangan di Tawau, Sabah
- Majlis Penutup Program Kembara ReDI oleh TKSU PPDN



ASEAN E-COMMERCE CONFERENCE 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan *ASEAN E-Commerce Conference 2025* bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 dengan kerjasama strategik pemain industri utama e-dagang di Malaysia iaitu *Shopee, Lazada, TikTok Shop, Mudah.my* dan *Carousell* yang digabungkan di bawah *Malaysian International Chamber of Commerce & Industry (MICCI)*.

Persidangan ini telah berlangsung selama dua (2) hari di Grand Hyatt, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 November 2025. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Persidangan telah disertai oleh 350 orang peserta yang terdiri daripada wakil Kementerian dan Agensi dari Malaysia serta negara-negara ASEAN, pemain industri sektor e-dagang dari rantau ASEAN, pakar perundangan dan polisi daripada *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* dan *United Kingdom*, ahli akademik, persatuan industri serta wakil pengguna.

Sepanjang persidangan ini, pelbagai isu dan perkembangan semasa berkaitan ekosistem e-dagang telah dibincangkan secara menyeluruh, antaranya pertumbuhan pesat perdagangan digital rentas sempadan di rantau ASEAN, peningkatan penggunaan platform e-dagang dan media sosial sebagai saluran perdagangan serta cabaran berkaitan perlindungan pengguna, ketelusan transaksi, pengurusan data dan penguatkuasaan undang-undang dalam persekitaran digital. Turut diberi perhatian cabaran pematuhan oleh pemain industri global dan tempatan serta keperluan kepada mekanisme penyelesaian pertikaian yang lebih cekap dan berkesan bagi transaksi dalam talian.

Penganjuran persidangan ini telah memberikan pelbagai manfaat strategik, termasuk memperkukuh

kerjasama serantau antara kerajaan, industri dan pihak berkepentingan dalam menangani cabaran ekosistem e-dagang semasa. Persidangan ini juga menjadi platform perkongsian amalan terbaik, pengalaman serta perkembangan terkini dalam aspek perundangan, penguatkuasaan dan perlindungan pengguna digital serta menyokong usaha penyelarasan dasar dan kerangka kawal selia e-dagang di peringkat ASEAN agar lebih selari dengan standard antarabangsa.

Selain itu, persidangan ini turut membuka ruang dialog konstruktif antara penggubal dasar dan pemain industri bagi merangka pendekatan pengawalseliaan yang seimbang, progresif dan mesra inovasi selaras dengan aspirasi Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025.



KONVENSYEN FOOD BANK MALAYSIA 2025

OBJEKTIF

Penganjuran Konvensyen *Food Bank* Malaysia 2025 yang julung kali diadakan sejak inisiatif Program *Food Bank* Malaysia (PFBM) diperkenalkan adalah untuk:

- (a) memacu transformasi pelaksanaan program bank makanan di Malaysia dengan menstruktur semula pelaksanaan PFBM berdasarkan sistem dan teknologi terkini;
- (b) memperkasa sistem bank makanan di Malaysia dengan menambah baik sistem sedia ada

terutamanya dari segi pengurusan operasi; dan
(c) memperluas jaringan kerjasama antara pihak berkepentingan dengan memperkukuh hubungan strategik melalui perkongsian sistem perbankan makanan yang dilaksanakan.

MEKANISME PELAKSANAAN

Konvensyen ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 8 hingga 9 Disember 2025 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Selangor.



Penyertaan

398

orang mewakili
NGO, Rakan
Strategik Utama,
agensi Kerajaan,
pelajar IPT awam
dan swasta, wakil
KPND negeri serta
wakil media



RANGKUMAN KONVENSYEN

Secara amnya, pengisian konvensyen ini membincangkan perkara-perkara bertajuk pembaziran dan keterjaminan makanan, peranan dan inisiatif pelbagai sektor dalam usaha bersepadu untuk menyediakan bantuan makanan kepada golongan rentan bagi meringankan beban kos sara hidup. Terdapat beberapa cabaran utama dalam ekosistem bank makanan dari segi operasi, logistik, ketetapan dasar, perundangan, insentif, pengurusan data dan penyelarasan, keselamatan serta kualiti makanan.

Terdapat beberapa strategi kelangsungan dan cadangan penambahbaikan yang telah dibincangkan sepanjang konvokesyen seperti pengukuhan dasar, tadbir urus, peningkatan kecekapan operasi, teknologi, kolaborasi, perkongsian strategik, model kewangan lestari, pendidikan dan penglibatan komuniti.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, penganjuran Konvensyen *Food Bank Malaysia 2025* ini telah berjaya menjadi platform strategik dalam merangka hala tuju baharu bagi pengurusan bank makanan negara. Melalui sinergi antara pelbagai sektor dan integrasi teknologi moden, adalah diharapkan agar inisiatif ini dapat terus memperkukuh agenda keterjaminan makanan serta memberikan impak yang signifikan dalam meringankan beban kos sara hidup golongan rentan secara lestari.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN & KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk pendekatan perkhidmatan KPDN secara terus kepada rakyat, melalui pendekatan *Whole of Nation Approach* bertemakan Ikhtiar KITA Untuk Semua. Pelaksanaan Karnival KPDN pada tahun 2025 ini telah melibatkan siri jelajah di enam (6) buah negeri yang mewakili zon masing-masing iaitu Johor (Zon Selatan), Sabah (Zon Sabah), Sarawak (Zon Sarawak), Kedah (Zon Utara), Pahang (Zon Timur) dan Selangor (Zon Tengah).

Keseluruhan siri jelajah telah berjaya menarik dan memanfaatkan seramai 592,989 pengunjung dengan impak ekonomi melalui jumlah jualan bernilai RM16,836,667.58. Terdapat pelbagai pengisian yang menarik perhatian pengunjung di setiap karnival termasuk pameran agensi, pameran penguatkuasaan

serta jualan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang menjual pelbagai jenis barangan pembuatan oleh usahawan negara seperti baju batik, kerepek, barang perhiasan dan sebagainya. Tidak lupa juga, Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang menjadi tarikan utama pengunjung di setiap lokasi yang menawarkan diskaun harga 10% hingga 30% dari harga pasaran bagi barangan keperluan harian. Menu RAHMAH merupakan satu inisiatif murni yang diperkenalkan untuk menyediakan hidangan makanan seimbang pada harga mampu milik, iaitu tidak melebihi RM5.00 bagi setiap set hidangan. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40), tanpa mengabaikan aspek kualiti dan nutrisi makanan.

Johor (Zon Selatan)

27-29 Jun 2025

Puteri Harbour, Iskandar Puteri, Johor.

Dirasmikan oleh

YB Menteri pada 27 Jun 2025

27,825 pengunjung

Sabah (Zon Sabah)

25-27 Julai 2025

Kompleks Sukan Ranau, Sabah.

Dirasmikan oleh

YB Menteri pada 26 Julai 2025

23,727 pengunjung

Sarawak (Zon Sarawak)

5-7 September 2025

Kuching Waterfront, Sarawak.

Dirasmikan oleh

YBhg. KSU pada 7 September 2025

56,229 pengunjung

Kedah (Zon Utara)

26-28 September 2025

Dataran Amanjaya Mall,
Sungai Petani, Kedah.

Dirasmikan oleh

YB Menteri pada 26 September 2025

101,820 pengunjung

Pahang (Zon Timur)

24-26 Oktober 2025

Dataran Sayangi Kuantan, Pahang.

Dirasmikan oleh

YB Timbalan Menteri pada
25 Oktober 2025

132,345 pengunjung

Selangor (Zon Tengah)

21-23 November 2025

Dataran Shah Alam, Selangor.

Dirasmikan oleh

YB Menteri pada 22 November
2025

251,043 pengunjung



KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM)

Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) merupakan program promosi yang bertujuan menyemarak dan meningkatkan pembelian produk tempatan dalam kalangan rakyat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi domestik yang mampan. Pada tahun 2025, KBBM telah dilaksanakan melalui enam (6) inisiatif strategik utama yang mempromosi dan memperkasa produk tempatan secara menyeluruh di pesada domestik dan global.

Bagi mengukuh kedudukan produk tempatan di pasaran domestik, KBBM secara signifikan disokong oleh Program *Access to Retail* yang menyediakan siri latihan dan padanan perniagaan bagi meningkatkan pembangunan produk, daya saing serta peluang pasaran produk tempatan. Program ini telah berjaya memacu sebanyak 202 penembusan sku produk tempatan ke pasaran runcit domestik, yang kini tersedia dipasarkan di rangkaian pasar raya besar (asing dan tempatan), pasar raya mini, kedai serbaneka, dan kedai runcit. Dalam usaha untuk menembusi pasaran runcit di luar negara, Program *Road to Global Retail* telah berjaya meluaskan potensi 302 produk tempatan melalui pendedahan dan pengenalan produk di pasaran runcit Jepun dan Thailand.

Inisiatif KBBM Tahun 2025

Pemeriksaan Produk Tempatan

Dalam Industri Peruncitan

Kerjasama dengan 18 rakan strategik - rangkaian pasar raya besar, pasar raya dan kedai serbaneka.

Melalui Platform Dalam Talian

Melibatkan tiga (3) buah penyedia platform dalam talian iaitu *Shopee*, *Lazada* dan *Tiktok Shop*.

Melalui Jualan Bertema Berdasarkan Segmen Fesyen

- Kolaborasi khas bersama dengan Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA)

- Program MY Gaya Month telah diadakan pada 1 hingga 31 Oktober 2025.
- MY Gaya Sabah telah diadakan pada 8 November 2025.

Pengantarabangsaaan Produk Tempatan ke Luar Negara

Program *Road to Global Retail* – kerjasama strategik dengan syarikat UNITI Asia Link Sdn. Bhd. dan Aeon Co (M) Sdn. Bhd.

- Program *Fair-Taste of Malaysia* pada 18 hingga 21 September 2025 di Tokyo, Jepun.
- Program MAROI Festival 2025 pada 14 hingga 16 November 2025 di Pattani, Thailand.
- 302 produk telah diperkenalkan ke pasaran luar negara.

Kolaborasi Strategik Media Interaktif

- Kolaborasi khas dengan Warnakala Studios (*Didi & Friends*).



Program Access to Retail

10 siri latihan peningkatan daya saing produk tempatan

- Strategi Pemasaran Visual dan Kecerdasan Buatan (*Canva*) (26 hingga 27 April 2025 di Selangor)
- Penskalaan PMKS (15 Mei 2025 di Selangor)
- Pengurusan Kewangan - *BizCost 360* (27 hingga 29 Jun 2025 di Pulau Pinang)
- *Brand Boost/Branding 101* – Strategi Pemasaran dan Penjenamaan (11 hingga 13 Julai 2025 di Pahang)
- Platform Peruncitan Maya, *TikTok Hustle*: Strategi Penjualan Hebat di Viral Platform (26 hingga 27 Julai 2025 di Negeri Sembilan)
- Eksport dan Pengantarabangsaan: *Go Export KPDN/ Beyond Borders* (29 hingga 31 Ogos 2025 di Kuala Lumpur)
- Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (12 hingga 14 September 2025 di Perak)
- Pematuhan dan Pensijilan – *Beyond the Box: Compliance and Packaging Mastery* (2 Oktober 2025 di Putrajaya)
- *Retail Warrior – Survival and Growth in Hypermarket* (31 Oktober hingga 2 November 2025 di Melaka)
- Pembangunan Pelan Strategi Perniagaan *BizBlueprint* (14 hingga 16 November 2025 di Johor)



Program Latihan
Pembangunan
Perniagaan
546 peserta



Program Padanan Perniagaan

5 siri Padanan Perniagaan

- Cyberjaya (15 Mei 2025)
- Pahang (13 Julai 2025)
- Putrajaya (2 Oktober 2025)
- Pulau Pinang (18 Oktober 2025)
- Melaka (2 November 2025)



223
peserta
46
syarikat runcit



PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)

PJRM merupakan langkah intervensi bagi kerajaan menangani kos sara hidup rakyat dengan menawarkan barangan keperluan asas pada harga 10% hingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran semasa setempat. PJRM telah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan di 222 kawasan Parlimen, 600 DUN dan 40 zon di Wilayah Persekutuan. Model pelaksanaan

PJRM terdiri daripada PJRM Dalam Premis, PJRM Luar Premis/Premium dan PJRM Bergerak. Sehingga 31 Disember 2025, PJRM telah memanfaatkan 25,708 kawasan penempatan rakyat, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan 27,534,770 jumlah bilangan transaksi.

Pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI

Negeri	Dalam Premis	Luar Premis/ Premium	Bergerak	Jumlah
Perlis (P.001-P.003)	70	17	399	486
Kedah (P.004-P.018)	258	9	1,380	1,647
Kelantan (P.019-P.032)	222	1	1,755	1,978
Terengganu (P.033-P.032)	486	20	546	1,052
Pulau Pinang (P.041-P.053)	63	519	1,446	2,028
Perak (P.054-P.077)	538	89	1,244	1,871
Pahang (P.078-P.091)	629	4	880	1,513
Selangor (P.092-P.113)	1,689	19	2,084	3,792
W.P. Kuala Lumpur (P.114-P.124)	356	13	1,118	1,487
W.P. Putrajaya (P.125)	79	51	1	131
N. Sembilan (P.126-P.133)	296	36	1,048	1,380
Melaka (P.134- P.139)	357	32	802	1,191
Johor (P.140-P.165)	567	75	1,140	1,782
W.P. Labuan (P.166)	129	23		152
Sabah (P.167-P.191)	1,305	58	1,195	2,558
Sarawak (P.192-222)	1,472	173	1,015	2,660
Jumlah Keseluruhan	8,516	1,139	16,053	25,708



PROGRAM SERVIS IHSAN MADANI (SIM)

Program ini merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu menangani kos sara hidup dengan menawarkan pakej penyelenggaraan asas kenderaan pada harga 10% hingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran. Ia dilaksanakan sempena lapan (8) musim perayaan utama di Malaysia iaitu Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Hari

Deepavali, Hari Krismas, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Hari Kebangsaan. SIM pertama kali dilaksanakan pada 24 Januari 2025 dengan kerjasama 3 rakan strategik KPDN iaitu PETRONAS Dagangan Berhad, Perodua Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) dan Proton Edar Sdn. Bhd. (Proton).

Pelaksanaan Program SIM Sempena 8 Sambutan/ Perayaan Utama di Malaysia



**Tahun Baru Cina
SIM@PAX**
24 hingga 28 Jan 2025



**Hari Raya Aidilfitri
SIM@PAX**
15 hingga 29 Mac 2025



**Hari Kaamatan
SIM@PAX**
16 hingga 29 Mei 2025



**Hari Gawai
SIM@PAX**
17 hingga 31 Mei 2025



**Hari Raya Aidiladha
SIM@PAX**
24 Mei hingga 6 Jun 2025



**Hari Kebangsaan
SIM@PAX**
17 hingga 30 Ogos 2025



**Hari Deepavali
SIM@PAX**
5 hingga 19 Okt 2025



**Hari Krismas
SIM@PAX**
13 hingga 24 Dis 2025

SIM@PERODUA
19 Ogos hingga 1 Okt 2025
SIM@PROTON
1 Sept hingga 31 Okt 2025

Jumlah Bengkel/ Pusat Servis Terlibat



PETRONAS

115

bengkel

Petronas AutoExpert



PROTON

174

Pusat Servis
Proton



PERODUA

216

Pusat Servis
Perodua



BAHAGIAN PEMBANGUNAN JUALAN LANGSUNG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL) selaku pengawal selia bagi Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (*Akta 500*) bertanggungjawab dalam urusan memproses dan mengeluarkan lesen jualan langsung dengan kelulusan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN selaku Pengawal Lesen Jualan Langsung.

Pada tahun 2025, bahagian ini telah mengadakan Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung, Bengkel Pemurnian Pindaan Akta 500 dan Bengkel Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung bagi memacu gerak kerja yang progresif dan produktif untuk memastikan industri jualan langsung di Malaysia menjadi lebih mampan, berjaya dan berdaya saing di peringkat domestik mahupun global.



Dua (2) sesi Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung

88 syarikat terima Lesen Jualan Langsung

MAJLIS PENYERAHAN LESEN JUALAN LANGSUNG

Sebanyak dua (2) sesi Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung yang merupakan program tahunan di bawah BPJL telah diadakan pada tahun 2025. Majlis ini bertujuan menyerahkan lesen jualan langsung kepada syarikat yang telah memenuhi semua syarat dan peraturan ditetapkan di bawah Akta Jualan Langsung 500. Program ini memberi pengiktirafan rasmi kepada syarikat berlesen, sekaligus meningkatkan keyakinan pengguna dan menyokong

perkembangan industri jualan langsung di Malaysia.

Aktiviti ini turut menjadi platform untuk bertukar maklumat dan meningkatkan pemahaman berkaitan pematuhan undang-undang jualan langsung. Sebanyak 88 syarikat telah menerima lesen dalam kedua-dua Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung Tahun 2025.



BENGKEL PEMURNIAN PINDAAN AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993 (AKTA 500)

Sebanyak tiga (3) siri bengkel pindaan Akta 500 telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025 melibatkan kumpulan Pengurusan Tertinggi KPDN, bahagian, negeri dan agensi di bawah KPDN untuk menambah baik serta memperhalusi peruntukan-peruntukan yang di pinda di dalam Akta 500.

Penganjuran bengkel ini adalah merupakan kesinambungan keperluan pindaan terhadap seksyen-seksyen Akta 500 termasuk peraturan yang berkuatkuasa dalam menyokong pembangunan dan pertumbuhan dinamik industri jualan langsung sebelum diangkat bagi tujuan semakan perundangan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Draf baharu pindaan Akta 500 ini disasar untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum pembentangan di Parlimen Malaysia pada tahun 2026 kelak. Ia juga bertujuan untuk **memperkukuh pengawalseliaan KPDN** secara khusus di bawah peruntukan Akta 500 termasuk peraturan, garis panduan dan syarat-syarat lesen yang berkuat kuasa dalam memastikan peranan KPDN sebagai pemusatan fungsi di Kementerian ini (tidak bertindih dengan mana-mana fungsi Kementerian lain) yang bertanggungjawab dalam membangun dan memajukan industri jualan langsung.



BENGKEL PELAN HALA TUJU INDUSTRI JUALAN LANGSUNG 2026-2030

4 dimensi utama



Pendigitalan



Pematuhan



Pemeriksaan Jenama



Kolaborasi Strategik

Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung 2026 – 2030 merupakan kesinambungan kepada Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung 2021 – 2025.

Sebanyak dua (2) siri bengkel bersama pihak Pengurusan Tertinggi KPDN, wakil-wakil bahagian, negeri dan agensi di bawah KPDN, termasuk persatuan jualan langsung telah dilaksanakan bagi merangka pelan ini agar selari dengan pelaksanaan Ekonomi MADANI. Bengkel ini bertujuan untuk

melindungi kepentingan pengguna dan memperkasa para pemain industri melalui amalan perniagaan yang beretika dan berintegriti.

Dengan memfokuskan kepada **empat (4) dimensi utama** iaitu aspek pendigitalan, pematuhan, pemeriksaan jenama dan kolaborasi strategik akan dapat terus berkembang seiring dengan perubahan landskap ekonomi global industri jualan langsung di Malaysia.



AKTIVITI NAZIRAN SYARIKAT JUALAN LANGSUNG

STATISTIK INDUSTRI JUALAN LANGSUNG TAHUN 2024
(Sehingga 15 Disember 2025)

TAHUN	JUMLAH SYARIKAT PEMEGANG LESEN JUALAN LANGSUNG				
	PELAN PEMASARAN				JUMLAH
	MLM	SLM	MO	SL/MO	
2021	333	45	13	5	396
2022	343	45	11	7	406
2023	337	45	11	7	400
2024	359	41	11	7	418
2025	340	40	9	6	395

PELAN PEMASARAN	PECAHAN EKUITI			
	MILIKAN			
	100% BUMIPUTERA	100% BUKAN BUMIPUTERA	100% ASING	LAIN-LAIN
MLM	120	136	97	9
SLM	6	8	7	1
SLM & MO	4	5	2	-
JUMLAH	130	149	106	10
2025	340	40	9	6

PELAN PEMASARAN	BILANGAN LESEN BAHARU YANG DILULUSKAN				
	2021	2022	2023	2024	2025
MLM	37	32	27	36	14
SLM	3	4	3	1	1
MO	-	-	1	1	-
SL&MO	-	-	1	-	-
JUMLAH	40	36	32	38	15

PEMBATALAN LESEN		
TAHUN	DIBATALKAN	SERAH BALIK
2021	-	2
2022	-	10
2023	-	11
2024	1	7
2025	-	6
JUMLAH	1	36

MAKLUMAT SYARIKAT DAN NILAI JUALAN BAGI INDUSTRI JUALAN LANGSUNG				
JENIS	MLM	SLM	SL/MO	JUMLAH
Syarikat yang Menghantar BMS	165	27	8	200 / 49%
Jumlah Jualan Tahunan (RM)	8,573,963,537.15	17,399,602,139.94	1,056,293,516.42	27,029,859,193.51
Syarikat yang Menghantar BMS	161	30	10	222 / 56%
Jumlah Jualan Tahunan (RM)	4,000,132,165.00	27,701,406,827.66	342,026,676.09	32,043,565,668.75
Syarikat Yang Menghantar BMS	194	35	11	240 / 57%
Jumlah Jualan Tahunan (RM)	7,090,947,589.33	28,388,317,159.81	112,509,019.70	34,438,832,477.42
Syarikat Yang Menghantar BMS	193	27	5	225 / 56%
Jumlah Jualan Tahunan (RM)	6,988,631,897.91	26,910,780,992.30	286,723,243.94	34,186,136,134.15

NOTA:
MLM: Multi-Level Marketing (Berbilang Tingkat)
SLM: Single Level Marketing (Satu Tingkat)
MO: Mail Order (Pesanan Pos)
SL/ML: Single Level, Mail Order
BMS: Borang Maklumat Syarikat



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Jumlah pendaftaran dalam tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025



Perniagaan
353,330
(Jumlah keseluruhan
9,697,702)



Perkongsian
Liabiliti Terhad
3,719
(Jumlah keseluruhan
45,195)



Syarikat
60,714
(Jumlah keseluruhan
1,650,853)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mula beroperasi pada 16 April 2002. SSM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia. Aktiviti utama SSM ialah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan serta perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan maklumat syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM juga melaksanakan fungsi mengawal selia melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan domestik.

STATISTIK UTAMA SSM

Sehingga 31 Disember 2025, jumlah entiti perniagaan yang telah didaftarkan serta diperbadankan di SSM dan berstatus aktif adalah seperti berikut:

- 1,695,993 perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 di mana 1,478,323 adalah perniagaan milikan tunggal dan 217,670 adalah perniagaan perkongsian konvensional;
- 706,304 syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 di mana 704,914 adalah syarikat tempatan dan 1,390 adalah syarikat asing; dan
- 39,659 perkongsian liabiliti terhad didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) 2012 di mana 39,656 adalah PLT tempatan dan 3 adalah PLT asing.

INISIATIF-INISIATIF SSM 2025 BAGI PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif selaras dengan usaha Kerajaan untuk membantu mengurangkan masalah dan tekanan komuniti perniagaan serta sektor korporat di Malaysia

terutamanya yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Perincian inisiatif-inisiatif SSM beserta statistik sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Bil	Inisiatif
1.	Pengenalan perkhidmatan e-Advertisement SSM selaras dengan peruntukan baharu di bawah seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 (Akta A1728) yang berkuat kuasa pada April 2025. Inisiatif ini diharapkan dapat mengurangkan kos permohonan penggulangan sukarela perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang sering dianggap membebankan kerana keperluan kos pengiklanan yang tinggi. Pada masa yang sama, inisiatif ini turut memudahkan PLT dalam mematuhi peruntukan akta bagi entiti yang ingin menggulung PLT secara sukarela. Bermula 1 April 2025 sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 1,070 PLT telah memanfaatkan inisiatif ini.
2.	Pengurangan kompaun sebanyak 95% daripada nilai asal kompaun diberikan kepada Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang layak serta pengurangan fi e-Advertisement bagi permohonan penggulangan sukarela PLT di bawah seksyen 50 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743). Objektif utama inisiatif ini adalah menggalakkan PLT yang layak dan berhasrat untuk melaksanakan penggulangan sukarela selaras dengan seksyen 50 Akta 743. Di samping itu, inisiatif ini bertujuan untuk mengemas kini pangkalan data SSM serta memastikan hanya PLT yang masih aktif dikekalkan dalam senarai daftar SSM. Inisiatif ini juga diharapkan dapat membantu mengurangkan kos permohonan penggulangan sukarela PLT, terutamanya dengan menurunkan bebanan kos pengiklanan yang tinggi. Pada masa yang sama, ia turut memudahkan PLT dalam mematuhi peruntukan undang-undang sekiranya mereka berhasrat untuk menggulung entiti masing-masing secara sukarela. Bagi tempoh 1 April 2025 sehingga 30 September 2025, sebanyak 91 PLT di bawah Akta 743 yang melibatkan 327 notis kompaun telah menikmati inisiatif ini. Manakala sejumlah 734 daripada 649 permohonan penggulangan sukarela PLT telah menggunakan perkhidmatan e-Advertisement (pengurangan fi iklan) bagi tempoh 16 April 2025 sehingga 30 September 2025.
3.	Pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal diberikan kepada syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) bagi kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965/ 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Inisiatif ini diperkenalkan bagi meringankan beban kos menjalankan perniagaan serta membantu syarikat dan PLT mematuhi keperluan tadbir urus korporat, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi syarikat dan PLT yang dapat menyumbang kepada usaha pemulihan serta pertumbuhan semula ekonomi negara.

Bil	Inisiatif		
Bagi tempoh 1 April 2025 sehingga 30 September 2025, jumlah syarikat dan PLT yang telah menikmati inisiatif ini adalah seperti di bawah:			
	Akta	Bilangan Notis	Bilangan Syarikat/ PLT
	Akta Syarikat 1965	523	218
	Akta Syarikat 2016	23,630	17,004
	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	1,244	721
	Jumlah	25,397	17,943

4. **Pengurangan kompaun sebanyak 95% daripada nilai asal kompaun bagi permohonan pemotongan nama syarikat yang layak di bawah seksyen 550 Akta Syarikat 2016.**

Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang tidak beroperasi atau tidak lagi berhasrat untuk menjalankan perniagaan dan telah dikenakan kompaun di atas kegagalan menyerahkan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan atau ketidakpatuhan lain, tampil secara sukarela untuk membuat permohonan pemotongan nama syarikat tersebut dari daftar SSM menurut seksyen 550 Akta Syarikat 2016 (Akta 777).

Bagi tempoh 1 April 2025 sehingga 30 September 2025, sebanyak **2,500** syarikat di bawah Akta 777 yang melibatkan **3,820** notis kompaun telah menikmati inisiatif ini.

Manakala sejumlah **13,612** permohonan pemotongan nama syarikat di bawah Akta 777 telah diterima bagi tempoh 16 April 2025 sehingga 30 September 2025.
5. **Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) kepada usahawan kumpulan B40, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepenuh masa dan pasangan suami dan isteri usahawan B40.**

Inisiatif SPPP akan memastikan golongan usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang serta meningkatkan kepercayaan pembeli untuk berurusan dengan peniaga yang sah. Perniagaan yang berdaftar juga akan memudahkan usahawan untuk mendaftarkan akaun semasa perniagaan, mengadakan kontrak atau melaksanakan perjanjian perniagaan. Usahawan yang berdaftar melalui SPPP ini berpeluang untuk menyertai latihan keusahawanan yang disediakan oleh Kerajaan dan agensi berkaitan serta melayakkan mereka untuk memohon bantuan-bantuan Kerajaan yang diberikan.

Bermula 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025, sebanyak **46,432** pendaftaran perniagaan secara percuma telah dimanfaatkan oleh usahawan kumpulan B40 dan pelajar institusi pendidikan tinggi sepenuh masa.

Bil	Inisiatif																		
6.	Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P) yang memberikan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan percuma kepada OKU (terhad 1 perniagaan setiap OKU). Inisiatif ini diperkenalkan untuk memberi galakan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Sejumlah 1,926 pendaftaran perniagaan di bawah S101P telah direkodkan bagi tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025. Manakala sebanyak 3,330 pembaharuan pendaftaran perniagaan melalui skim ini telah direkodkan dalam tempoh yang sama.																		
7.	Pelaksanaan serah simpan dokumen berkanun secara digital melalui <i>Malaysian Business Reporting System 2.0 (MBRS 2.0)</i> dalam format XBRL dilaksanakan secara berperingkat iaitu Fasa Kedua bermula pada 1 Mac 2025 dan Fasa Ketiga pada 1 Jun 2025. Ini adalah sebagai langkah pemodenan perkhidmatan dengan pendekatan berfasa bagi memudahkan penyesuaian syarikat dan mengurangkan tekanan pelaksanaan serentak. Inisiatif ini dapat memudahkan syarikat dalam penyediaan dokumen dengan menggunakan format pelaporan yang lebih berstruktur sekaligus memudah cara syarikat mematuhi keperluan peruntukan Akta Syarikat. Selain itu, dengan pelaksanaan mandatori serah simpan dokumen juga akan membolehkan data-data yang diperolehi adalah lebih berkualiti dan dianalisa dengan lebih baik. Pelaksanaan serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan secara digital melalui portal MBRS 2.0 dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mengurangkan beban pematuhan, mempertingkatkan kualiti data korporat dan menyokong agenda pendigitalan serta kelestarian Kerajaan. Statistik serah simpan dokumen berkanun melalui MBRS 2.0 di bawah Akta Syarikat 2016 bagi tempoh 1 Mac 2025 sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti jadual di bawah: <table><tr><th>Perkara</th><th>Dokumen</th><th>Jumlah</th></tr><tr><td rowspan="3">Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 2016</td><td>Penyata Tahunan (PT)</td><td>495,835</td></tr><tr><td>Penyata Kewangan & Laporan (PK)</td><td>297,065</td></tr><tr><td>Permohonan pengecualian berkaitan PT dan PK</td><td>51,774</td></tr><tr><td rowspan="2">Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 1965</td><td>Penyata Tahunan (PT)</td><td>460</td></tr><tr><td>Penyata Kewangan & Laporan (PK)</td><td>1,768</td></tr><tr><td colspan="2">Jumlah Transaksi Dokumen</td><td>846,902</td></tr></table>	Perkara	Dokumen	Jumlah	Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 2016	Penyata Tahunan (PT)	495,835	Penyata Kewangan & Laporan (PK)	297,065	Permohonan pengecualian berkaitan PT dan PK	51,774	Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 1965	Penyata Tahunan (PT)	460	Penyata Kewangan & Laporan (PK)	1,768	Jumlah Transaksi Dokumen		846,902
Perkara	Dokumen	Jumlah																	
Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 2016	Penyata Tahunan (PT)	495,835																	
	Penyata Kewangan & Laporan (PK)	297,065																	
	Permohonan pengecualian berkaitan PT dan PK	51,774																	
Jumlah serah simpan di bawah Akta Syarikat 1965	Penyata Tahunan (PT)	460																	
	Penyata Kewangan & Laporan (PK)	1,768																	
Jumlah Transaksi Dokumen		846,902																	

PENGUKUHAN KERANGKA PERLESENAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Akta Syarikat 2016 telah memperkukuh kerangka dasar dan kawal selia bagi SBMJ dengan mengambil kira tahap kerentanan, khususnya terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Penubuhan SBMJ adalah tidak berorientasikan keuntungan sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 45, sekali gus mewujudkan keperluan kawal selia yang lebih ketat berbanding jenis syarikat lain.

Keperluan mandatori bagi SBMJ untuk mempunyai perlembagaan dan lesen Menteri bagi pengguguran perkataan 'Berhad' atau 'Bhd.' daripada nama syarikat atau bagi maksud pemegangan tanah terus dikekalkan di bawah Akta Syarikat 2016. Walau bagaimanapun, SSM mendapati bahawa wujud ketidakseragaman dalam pelaksanaan keperluan perlesenan apabila permohonan diproses secara kes demi kes yang mengakibatkan

perbezaan ketara dari segi syarat lesen dan kategori lesen yang sama.

Bagi menangani isu tersebut, selaras dengan kuasa Menteri di bawah subseksyen 45(5) Akta Syarikat 2016, SSM telah memperkenalkan Peraturan-Peraturan Syarikat (Lesen Peninggalan 'Berhad' atau 'Bhd.') 2025 dan Peraturan-Peraturan Syarikat (Lesen Bagi Pemegangan Tanah) 2025 yang berkuat kuasa mulai 15 Julai 2025. Pengenalan peraturan ini bertujuan menyeragamkan keperluan perlesenan, mengurangkan kerenah pentadbiran serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, Garis Panduan SBMJ turut dikemas kini bagi memastikan kejelasan dan keselarasan kepada semua pihak berkepentingan.

KRITERIA BAHARU PENGECUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD

SSM telah memperkenalkan kriteria baharu pengecualian audit bagi syarikat sendiri berhad melalui Arahan Amalan 10/2024 yang diumumkan pada 16 Disember 2024. Di bawah rangka kerja ini, syarikat layak mendapat pengecualian audit sekiranya memenuhi sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga (3) kriteria utama, iaitu pendapatan tahunan tidak melebihi RM3 juta, jumlah aset tidak melebihi RM3 juta dan bilangan pekerja tidak melebihi 30 orang bagi tahun kewangan semasa serta dua (2) tahun kewangan sebelumnya.

Kriteria baharu ini berkuat kuasa bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025, manakala penyata kewangan bagi tempoh sebelum 31 Disember 2024 kekal tertakluk kepada kriteria sedia

ada. Bagi memastikan peralihan yang teratur, SSM melaksanakan pendekatan berfasa dalam tempoh tiga (3) tahun, dengan ambang kelayakan ditingkatkan secara berperingkat daripada RM1 juta dan 10 pekerja pada Fasa 1, RM2 juta dan 20 pekerja pada Fasa 2, sehingga pelaksanaan penuh pada Fasa 3 dengan ambang RM3 juta dan 30 pekerja.

Rangka kerja ini turut menetapkan syarat dan pengecualian tertentu bagi memastikan hanya entiti yang layak diberikan pengecualian audit. Syarikat dormant kekal dikecualikan daripada keperluan audit, manakala pengecualian audit ini tidak terpakai kepada syarikat persendirian berkecuali yang memilih untuk mengemukakan sijil di bawah seksyen 260 Akta Syarikat

2016, syarikat awam termasuk syarikat tersenarai, anak syarikat kepada syarikat awam, serta syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Inisiatif pengecualian audit ini memberi manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan

mengurangkan kos pematuhan dan beban pentadbiran, membolehkan syarikat menumpukan lebih banyak sumber kepada operasi dan pertumbuhan perniagaan di samping mengekalkan tahap tadbir urus dan ketelusan kewangan yang bersesuaian dengan saiz serta risiko perniagaan.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2025

Persidangan Kebangsaan kali ke-14 dengan tema '*Leading Governance for Sustainable Growth*' telah diadakan pada 19 dan 20 Ogos 2025 secara hibrid iaitu menggabungkan sesi fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan penyertaan dalam talian secara serentak. Persidangan ini yang juga dikenali sebagai *SSM National Conference 2025* (SSMNC 2025) telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM manakala *Institute of Corporate Directors Malaysia* (ICDM) turut bersama-sama menjayakan persidangan ini sebagai rakan kolaborasi.

SSMNC 2025 telah dihadiri oleh 2,230 delegasi mewakili sektor awam dan korporat iaitu lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan termasuk ahli-ahli *Corporate Registers Forum* (CRF) dari Singapura, Hong Kong, Macedonia Utara serta Afrika Selatan.

Tema SSMNC 2025 bukan sahaja menyokong agenda strategik nasional dalam usaha memperkukuh ekosistem tadbir urus korporat yang telus dan mampan, ia juga selari dengan kepengerusian ASEAN Malaysia pada tahun 2025. Persidangan selama dua (2) hari melibatkan 36 penceramah, ahli panel serta moderator dari negara-negara ASEAN yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta industri bagi 13 sesi plenari seperti berikut:



- a. *Plenary 1: Megatrends for a Sustainable Business Future*
- b. *Plenary 2: The Rise of ASEAN: A Geopolitical and Economic Powerhouse in the Global Arena*
- c. *Plenary 3: Forum - Doing Business in ASEAN: Growth, Opportunities and Challenges*
- d. *Plenary 4: Forum - Evolving Roles of ASEAN Corporate Registrars*
- e. *Plenary 5: ASEAN Unique Business Identification Numbers (UBIN)*
- f. *Plenary 6: Forum - Cross-Border Insolvency: Malaysia's Shift Towards Global Standards and Enhanced Cooperation*
- g. *Plenary 7: Forum - SSM Enforcement Watch 2025: What's New?*

h. *Plenary 8: Forum - SSM Talks:*

- i. *How SSM has embraced digitalization in its registry systems and the benefits of this transformation for businesses and Malaysia?*
 - ii. *Implementation of beneficial ownership reporting framework under the Limited Liability Partnerships (Amendment) Act 2024 and proposed beneficial ownership reporting framework under the Trust Companies Bill.*
 - iii. *New reporting framework for nominees under the Companies Act 2016.*
 - iv. *SSM products and services.*
- i. *Plenary 9: Fireside Chat - The Calm in the Storm. Leadership During Crisis*

- j. *Plenary 10: Fireside Chat - From Podium to Boardroom: Mental Resilience for Leaders*
- k. *Plenary 11: Forum - Corporate Governance as Competitive Differentiator for Sustainable Growth*
- l. *Plenary 12: Forum-Rethinking the Future of Boardroom Architecture & Human Capital of the Future*
- m. *Plenary 13: Fireside Chat - AI x Innovation. Enhancing Value Creation and Competitiveness*

Para delegasi yang menghadiri persidangan ini secara bersemuka di KLCC juga berpeluang mengunjungi reruai pameran. Sebanyak 16 pempamer telah menyertai dan memeriahkan pameran ini.



PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 DAN PERTANDINGAN *BUSINESS COMBAT*

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Program Usahawan Muda (PUM) Peringkat Kebangsaan pada 15 dan 16 Januari 2025 bertemakan "Dari Kampus ke Dunia Niaga" yang melibatkan lebih 3,000 pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, *Government-Linked Universities*, Institut Latihan Kemahiran Awam serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Program yang berlangsung selama dua (2) hari di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

PUM Peringkat Kebangsaan ini bertujuan memahirkan peserta dalam aspek perniagaan melalui penerapan nilai-nilai perniagaan yang lebih komprehensif dan praktikal serta menyemai minat dalam diri pelajar selari dengan usaha melahirkan usahawan muda yang mampu berdaya saing dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Di samping itu, SSM turut mengadakan Pertandingan *Business Combat* yang dianjurkan buat julung kalinya bagi memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai perniagaan untuk mengetengahkan idea, konsep dan pendekatan terhadap sesuatu cadangan perniagaan melalui kaedah *business pitching* yang dinilai oleh juri. Pemenang bagi pertandingan ini ialah Kumpulan

Harvest Herd Farm dari Universiti Malaysia Kelantan yang telah dinobatkan sebagai johan dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM15,000. Naib johan dimenangi oleh Kumpulan *Cornmunity* dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menerima hadiah wang tunai bernilai RM10,000, manakala tempat ketiga diraih oleh Kumpulan *M. Glow* dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan hadiah bernilai RM5,000. Selain itu, sebanyak 21 kumpulan lain masing-masing menerima hadiah saguhati bernilai RM2,000.



"Dari Kampus ke Dunia Niaga" yang melibatkan lebih

3,000 pelajar

Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, *Government-Linked Universities*, Institut Latihan Kemahiran Awam serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional



MAJLIS PERASMIAN PEJABAT CAWANGAN MIRI, SARAWAK

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengadakan Majlis Perasmian Pejabat Cawangan Miri, Sarawak yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, pada 27 April 2025.

Majlis perasmian ini merupakan inisiatif SSM dalam menzahirkan komitmen untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan sebagai sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia pendaftaran syarikat dan entiti perniagaan di Malaysia.

Pejabat SSM Cawangan Miri ini berfungsi sebagai pusat utama kepada komuniti sektor korporat di Miri serta kawasan sekitarnya termasuk Bintulu, Limbang dan Lawas bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan pendaftaran syarikat dan perkongsian liabiliti terhad (PLT). Pejabat ini juga menyokong transaksi perniagaan lain seperti pemfailan dokumen berkanun, khidmat nasihat pelanggan, pengeluaran surat perakuan serta verifikasi pengguna.



PELANCARAN BAS EZBIZ ON-THE-GO 2.0

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan Bas *EzBiz On-The-Go* 2.0 yang dilancarkan secara rasmi oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 28 Ogos 2025. Majlis tersebut diadakan bersempena dengan Pelancaran Kebangsaan dan Sambutan Hari Malaysia Peringkat KPDN. Inisiatif perkhidmatan bergerak yang ditambah baik ini bertujuan untuk memperkasakan akses orang ramai terhadap perkhidmatan SSM dengan lebih pantas, efisien dan selesa.

Bas *EzBiz On-The-Go* 2.0, versi baharu ini menggantikan Bas *EzBiz On-The-Go* yang diperkenalkan pada tahun 2014. Bas *EzBiz On-The-Go* 2.0 bukan sahaja menampilkan reka bentuk lebih kontemporari dan mesra pelanggan, malah turut dilengkapi teknologi terkini bagi meningkatkan kemudahan kepada pengguna.

Antara kemudahan yang dipertingkatkan adalah saiz bas yang lebih besar, perkhidmatan kaunter moden, terminal layan diri dengan kiosk skrin sesentuh mudah alih serta ruang taklimat yang selesa. Bas ini turut didaftarkan dengan nombor pendaftaran khas 1604, sebagai simbolik kepada tarikh penubuhan SSM pada 16 April 2002.

Sepanjang lebih 10 tahun beroperasi, Bas *EzBiz On-The-Go* ini telah menyertai 104 program di seluruh Malaysia dan memberi manfaat kepada 5,000 orang pelanggan. Bas *EzBiz On-The-Go* 2.0 ini dijangka dapat memperluaskan perkhidmatan SSM ke lebih banyak lokasi di seluruh negara serta mencapai lebih ramai pelanggan.

Hadir bersama adalah YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, Encik Tan Kee Heng, Anggota Suruhanjaya dan Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.



10 tahun
beroperasi, Bas
EzBiz On-The-Go
telah menyertai
104
program
di seluruh
Malaysia dan
memberi manfaat kepada
5,000
pelanggan



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan penguatkuasaan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), yang berfungsi sebagai badan berkuasa utama dalam hal ehwal pengurusan dan perlindungan harta intelek di Malaysia. Ditubuhkan dengan tujuan untuk memacu kemajuan dan inovasi negara, MyIPO bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan harta intelek, menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pendaftaran dan perlindungan harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi serta reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Sebagai peneraju dalam bidang harta intelek, MyIPO bertindak untuk mempromosikan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek, membantu pemilik perniagaan, usahawan dan penyelidik untuk melindungi hak harta intelek dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui pelbagai inisiatif dan program, MyIPO berusaha untuk menyokong perkembangan industri kreatif dan inovasi, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. MyIPO juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kerjasama antarabangsa melalui penglibatan dalam pelbagai perjanjian dan forum global berkaitan harta intelek,

seperti Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO). Ini membolehkan Malaysia kekal kompetitif di pentas global dan memastikan hak-hak harta intelek diiktiraf serta dilindungi di peringkat antarabangsa.

Dengan komitmen dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efektif, MyIPO terus berusaha untuk memperbaiki sistem perlindungan harta intelek di Malaysia, membantu individu dan organisasi untuk mengurus serta memanfaatkan harta intelek mereka dengan lebih baik.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SEMINAR 'FOCUS ON WOMEN, NAVIGATING INNOVATION AND CREATIVITY'

Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) telah menganjurkan Seminar *Focus on Women: Navigating Innovation and Creativity* pada 14 dan 15 April 2025 di Menara MyIPO yang telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Seminar ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap peranan wanita dalam inovasi dan kreativiti, memperkasa pengetahuan harta intelek serta menggalakkan jaringan kerjasama. Program ini turut menampilkan reruai inovasi yang mempamerkan hasil reka cipta berdaftar dan berjaya dikomersialkan, serta menghimpunkan

kira-kira 150 peserta daripada pelbagai latar belakang akademik, penyelidikan dan keusahawanan.



150 peserta
Seminar *Focus on Women: Navigating Innovation and Creativity*



MAJLIS ADVOKASI ROYALTI MUZIK

MyIPO telah menganjurkan Majlis Advokasi Royalti Muzik pada 17 Mac 2025 di Hotel Hilton, KL Sentral bagi memperkukuh perlindungan hak cipta dan pengurusan royalti industri muzik negara. Majlis yang disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ini menekankan komitmen kerajaan dalam melindungi kebajikan penggiat seni. Program ini menghimpunkan lebih 100 komposer, artis, penerbit, wakil industri, kepimpinan KPDN, MyIPO dan persatuan seni, selaras dengan usaha mewujudkan ekosistem muzik yang mampan dan berdaya saing.



Majlis Advokasi
Royalti Muzik
menghimpunkan lebih

100 komposer, artis,
penerbit, wakil industri,
kepimpinan KPDN, MyIPO
dan persatuan seni

MAJLIS PERASMIAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2025 "MUZIK KITA MILIK KITA" DAN MAJLIS AIDILFITRI MyIPO



Majlis Perasmian Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2025 telah berlangsung pada 24 April 2025 dan disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Bertemakan "Muzik Kita, Milik Kita", sambutan ini menekankan peranan strategik penggiat muzik tempatan serta kepentingan perlindungan hak cipta bagi kelestarian industri muzik negara. MyIPO turut memperkenalkan pengurangan fi 50% bagi Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta karya muzik selama enam (6) bulan, sebagai langkah proaktif menggalakkan pendaftaran hak cipta dan memperkukuh ekosistem harta intelek negara. Turut dihadiri pegawai KPDN, MyIPO dan persatuan seni.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) antara MyIPO dan PERTUBUHAN HARTA INTELEK DUNIA (WIPO)

MyIPO telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *World Intellectual Property Organization* (WIPO) pada 23 September 2025 sempena lawatan kerja oleh Ketua Pengarah WIPO, YBrs. Mr. Daren Tang Heng Shim, ke Malaysia pada 22 hingga 24 September 2025. MoU yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah MyIPO dan Ketua Pengarah WIPO disaksikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi membolehkan pengiktirafan WIPO *International Patent Drafting Training Program* sebagai latihan alternatif bagi pendrafan paten di Malaysia. Inisiatif ini berimpak strategik dalam memperkukuh pembangunan modal insan, meningkatkan profesionalisme ejen paten tempatan dan kualiti permohonan paten negara.



TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Program Pengenalan Tribunal Rayuan Persaingan diadakan bertujuan sebagai satu medium penerangan kepada masyarakat umum berkenaan peranan dan fungsi Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) selaku badan separa kehakiman (*quasi-judicial*) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 44 Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

Program ini telah dilaksanakan di bumi Kenyalang pada 16 Mei 2025 di *The Advocates Association of Sarawak* (Cawangan Kuching) yang telah dihadiri

oleh YBrs. Tuan Liew Tang Chieh selaku Pengerusi *The Advocates Association of Sarawak* (Cawangan Kuching) dan beberapa orang delegasi.

Selain itu, program ini turut dilaksanakan di Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah pada 23 Julai 2025 yang dihadiri oleh Timbalan Peguam Besar Negeri Sabah, Datuk Dayangku Fazidah Hatun Pg. Bagul. Beliau telah menerima buku Kompilasi Keputusan Kes TRP sebagai tanda penghargaan.



PEMACU EKONOMI DOMESTIK

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PANEL PENDENGARAN DI SIBU TAHUN 2025

Mesyyarat Jawatankuasa Panel Pendengaran telah diadakan di Sibu, Sarawak pada 10 hingga 12 Julai 2025 bertujuan untuk meneliti dan membincangkan hala tuju kes secara menyeluruh sebelum sebarang keputusan atau tindakan lanjut diambil. Mesyyarat ini merupakan suatu platform bagi ahli panel pendengaran kes untuk membuat perbincangan, penelitian terhadap fakta kes serta isu-isu perundangan yang berbangkit selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Mesyyarat ini telah dipengerusikan oleh YA Datuk Dr. Shahnaz binti Sulaiman selaku Presiden Tribunal Rayuan Persaingan

berkenaan kes 'kartel ayam' yang melibatkan jumlah penalti yang dianggarkan sebanyak RM415 juta.



SESI PERKONGSIAN ILMU UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Sesi Perkongsian Ilmu Undang-Undang Persaingan telah diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman anggota Tribunal Rayuan Persaingan terhadap prinsip perundangan dan peruntukan undang-undang persaingan.

Bahagian ini telah mengadakan siri pertama sesi perkongsian ilmu pada 24 Mei 2025 yang telah disampaikan oleh Assoc. Prof. Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman, yang merupakan Pensyarah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Gombak selaku penceramah bagi perkongsian bertajuk '*Methodology in Penalty Calculation and Deliberation*'.

Selanjutnya, siri kedua sesi perkongsian ilmu telah diadakan pada 22 Ogos 2025 dengan tajuk perkongsian '*Hardcore Cartels and the 'By Object' Restrictions: The Law and Burden of Proof*' yang telah disampaikan oleh Puan Syazana Asmuni, Ketua Jabatan Persaingan di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).





'D'

Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)
Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK)
Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan (BPDK)
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)
Bahagian Undang-Undang (BUU)

BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) merupakan satu bahagian teras di kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kesedaran dan perlindungan pengguna. Fungsi BGK merangkumi tiga peranan utama iaitu Perlindungan Pengguna, Latihan dan Advokasi Kepenggunaan. Sepanjang tahun 2025, BGK telah menganjurkan pelbagai program kepenggunaan melibatkan semua peringkat umur dan lapisan masyarakat. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pendayupayaan pengguna melalui pendidikan, latihan dan penyediaan sumber maklumat yang relevan. Penglibatan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi turut menyokong pembangunan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan.

SAMBUTAN FESTIVAL PENGGUNA KEBANGSAAN (CONFEST) 2025

Festival Kepenggunaan (CONFEST) 2025 telah diadakan di *International Technology and Commercial Centre* Penampang, Kota Kinabalu, Sabah pada 11 hingga 13 Julai 2025 bersempena sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2025 dengan tema "Semarak Konsumerisme".

Penganjuran CONFEST 2025 bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepenggunaan dalam kalangan masyarakat melalui penghayatan lapan (8) Hak Pengguna supaya dapat melahirkan pengguna yang bermaklumat, bijak dan bertanggungjawab.

Antara pengisian termasuklah pertandingan kepenggunaan peringkat kebangsaan yang melibatkan acara Bicara Berirama, Sketsa Muzikal, *Battle of The Buskers* dan Eksplorasi Troli Pintar, di samping penyampaian hadiah Anugerah Penggerak Kepenggunaan yang disempurnakan oleh YB Menteri KPDN.



HARI BERSAMA NGO KEPENGGUNAAN 2025

Hari Bersama NGO Kepenggunaan 2025 telah diadakan pada 14 Mac 2025 bersempena dengan sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2025. Sebanyak 31 NGO kepenggunaan telah dijemput, termasuk Presiden Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Penggerak Komuniti Pengguna dan wakil Gerakan Pengguna Siswa.

Antara elemen *Human Governance* yang telah diterapkan adalah:

- Memperkasa jaringan kolaborasi strategik antara KPDN dengan NGO;
- Pendedahan terhadap fungsi dan peranan Kerajaan dalam mengurus isu kepenggunaan; dan
- Penyelarasan program KPDN di bawah inisiatif kerjasama strategik bersama NGO kepenggunaan.

Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Menteri KPDN yang turut menyaksikan sesi menandatangani Aku Janji KITA GEMPUR oleh wakil-wakil NGO.



PROGRAM HIMPUNAN PERDANA KELAB PENGGUNA SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

Himpunan Perdana Kelab Pengguna Sekolah (KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 telah diadakan pada 30 September hingga 2 Oktober 2025 di Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan dengan penyertaan 64 orang pelajar dan 16 orang guru daripada 16 buah sekolah.

Antara elemen *Human Governance* yang telah diterapkan adalah:

1. pendidikan kepenggunaan meliputi perlindungan pengguna, pengurusan kewangan berhemah, kelestarian alam sekitar, pemakanan sihat dan kos sara hidup;
2. memupuk semangat kerja berpasukan, ketahanan dan keyakinan diri; dan
3. kesedaran kepentingan hak sebagai pengguna dan peranan KPS sebagai ejen penggerak kepenggunaan.

Pengisian utama Himpunan Perdana KPS 2025 merangkumi pertandingan cabaran interaktif pengguna, lawatan bersama penguatkuasa KPDN dan sesi perkongsian ilmu. Majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN.



BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN

PERSIDANGAN OPSS DI JAKARTA, INDONESIA

KESELAMATAN PRODUK DALAM TALIAN (E-COMMERCE)

ONLINE PRODUCT SAFETY SUMMIT DI NOVOTEL BOGOR GOLF RESORT AND CONVENTION CENTER, JAKARTA, INDONESIA

Persidangan *Online Product Safety Summit* telah berlangsung pada 16 hingga 17 Jun 2025 di Jakarta, Indonesia bertujuan untuk menggalakkan kerjasama strategik antara negara-negara ASEAN dan rakan antarabangsa dalam memperkukuh keselamatan produk dalam ekosistem e-dagang.

Pertumbuhan pesat e-dagang di ASEAN telah meningkatkan nilai pasaran kepada *USD156 bilion* (2024). Namun, ia turut menimbulkan cabaran kawal selia dan keselamatan produk. Persidangan ini dianjurkan oleh *UK Office for Product Safety and Standards* (OPSS UK) di bawah *ASEAN-UK Economic Integration Programme* (EIP) bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam aspek keselamatan produk digital. Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang hadir termasuklah daripada Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK) dan Bahagian Penguat Kuasa.

Persidangan telah mengenal pasti beberapa isu utama berkaitan keselamatan produk dalam ekosistem e-dagang serantau. Antaranya ialah pertumbuhan pesat pasaran e-dagang di ASEAN yang disertai dengan cabaran kawal selia, termasuk lambakan produk kurang piawai dan kesukaran penguatkuasaan terhadap penjual luar negara. Negara-negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam telah membangunkan pelbagai kerangka perundangan dan pendekatan tersendiri, namun masih berdepan dengan kekangan dari segi pematuhan, kesedaran penjual serta kapasiti penguatkuasaan.

Secara keseluruhan, perbincangan telah menekankan pentingnya kerjasama antara kerajaan, platform digital dan komuniti pengguna dalam memastikan keselamatan produk dalam talian, serta keperluan untuk memanfaatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) bagi memperkukuh kecekapan pemantauan dan penguatkuasaan.



LAWATAN OLEH OPSS UK KE KPDN PUTRAJAYA

PEMERKASAAN PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN BARANGAN PENGGUNA

LAWATAN OLEH *OFFICE FOR PRODUCT SAFETY AND STANDARDS* (OPSS) UNITED KINGDOM KE KPDN PUTRAJAYA

Office for Product Safety and Standards (OPSS), United Kingdom telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 19 November 2025. Delegasi OPSS yang terdiri daripada empat (4) orang pegawai telah diketuai oleh Ms. Sarah Smith, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif OPSS.

Kunjungan ini bertujuan untuk meneroka potensi kerjasama dalam aspek kawal selia keselamatan barangan pengguna antara Malaysia dan United Kingdom.

Seiring dengan kunjungan tersebut, satu sesi perkongsian amalan terbaik berkaitan keselamatan barangan pengguna telah diadakan oleh pihak OPSS dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan berkaitan. Seramai dua puluh (20) orang peserta telah terlibat dalam sesi ini terdiri daripada pegawai Kementerian Ekonomi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Jabatan Standard Malaysia dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

Kunjungan dan sesi perkongsian ini dijangka memberi manfaat strategik kepada kementerian, khususnya Bahagian Standard Kepenggunaan dalam memperkukuh hubungan serta menjalin kerjasama kawal selia keselamatan barangan pengguna di peringkat antarabangsa pada masa hadapan.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGUNAAN

GARIS PANDUAN MENGELAKKAN IKLAN PALSU ATAU MENGELIRUKAN DALAM TALIAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited memastikan ekosistem perniagaan dalam talian yang selamat, telus dan beretika. Selain itu, Kementerian juga fokus untuk memperkasa serta memperkukuh perlindungan pengguna selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Komitmen ini dizahirkan melalui pelancaran Garis Panduan Mengelakkan Iklan Palsu atau Mengelirukan Dalam Talian oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor semasa Program Jelajah

Karnival KPDN 2025 Zon Selatan pada 27 Jun 2025. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi advokasi kepada pengguna berkaitan hak dan tanggungjawab dalam urus niaga dalam talian, serta membantu peniaga memastikan iklan yang disiarkan adalah tepat, benar dan beretika.

Garis Panduan ini telah menerima pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai salah satu inisiatif pembaharuan penyampaian perkhidmatan awam berasaskan nilai-nilai H.E.M.A.T.



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA (MPPN) SESI 2025-2026

Seramai 13 individu telah dilantik sebagai Anggota Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) bagi sesi 2025–2026. Pelantikan ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2025 sehingga 31 Disember 2026. Anggota MPPN adalah terdiri daripada wakil akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan industri yang membawa kepelbagaian pengalaman serta kepakaran bagi memperkukuh peranan majlis dalam mendepani isu

kepenggunaan. MPPN berperanan menasihati Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan mewakili suara pengguna bagi melindungi hak serta kepentingan pengguna. Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Anggota MPPN telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 19 September 2025 di Port Dickson, Negeri Sembilan.



THE 31st ASEAN COMMITTEE ON CONSUMER PROTECTION (ACCP) MEETING AND RELATED MEETINGS

Selaras dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun ini, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi *The 31st ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) Meeting and Related Meetings* yang telah berlangsung di Le Meridien Kuala Lumpur pada 17 hingga 21 November 2025. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh delegasi daripada 11 Negara ASEAN yang berfungsi sebagai platform strategik bagi pertukaran pandangan,

penyelarasan keutamaan serantau dan penguatan kerjasama dalam merangka serta melaksanakan inisiatif perlindungan pengguna. Mesyuarat ini turut mencatatkan pencapaian penting dengan penyertaan Timor-Leste sebagai anggota baharu ASEAN dan ACCP, sekali gus memperkukuh kerjasama serantau dalam mendepani cabaran globalisasi dan transformasi digital.



TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN APLIKASI EZ-TTPM

TTPM memperkenalkan aplikasi mudah alih **Ez-TTPM** sebagai inisiatif pendigitalan berteraskan aspirasi Malaysia MADANI. Platform ini membolehkan pengguna memfailkan tuntutan secara dalam talian tanpa perlu hadir ke pejabat TTPM.

Ez-TTPM menawarkan proses **mudah, murah dan cepat** dengan menampilkan muka mesra pengguna serta akses lebih menyeluruh kepada rekod pemfailan. Langkah ini memperkukuh perlindungan pengguna, memastikan keadilan lebih mudah dicapai serta meningkatkan kecekapan pengurusan pemfailan di TTPM.

"e-Tribunal: Mudah, Murah, Cepat."



BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

PENYEMAKAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERUNDANGAN


Selain memberikan khidmat nasihat, fungsi utama BUU adalah memastikan kepentingan kementerian terpelihara melalui penyemakan dan penyediaan dokumen perundangan seperti perjanjian dan pandangan undang-undang. Pada tahun 2025, BUU telah berjaya membantu bahagian-bahagian di KPDN untuk menyemak dan menyediakan sejumlah 201 perjanjian, antara lainnya termasuk perjanjian penyewaan ruang pejabat dan stor ekshibit. Bagi perjanjian berkaitan perolehan pula, BUU telah menyemak dan menyediakan perjanjian termasuk seperti yang berikut:

- Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bersenjata Api bagi Pejabat KPDN negeri-negeri;
- Perjanjian Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api bagi Pejabat KPDN negeri-negeri;
- Perjanjian Perkhidmatan Pembersihan Pejabat dan Stor-stor Ekshibit bagi Pejabat KPDN negeri-negeri;
- Perjanjian Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin bagi Ibu Pejabat KPDN dan negeri-negeri;
- Perjanjian Pembekalan Aksesori Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai Ibu Pejabat KPDN;
- Perjanjian Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Mesin Penapis Air bagi Ibu Pejabat KPDN dan negeri-negeri; dan
- Perjanjian Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) KPDN.

Bagi program-program berskala besar yang dilaksanakan oleh KPDN seperti Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Program Pengedaran Barang Perlu oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), BUU juga terlibat dalam menyemak dan menggubal perjanjian bagi memenuhi tujuan dan hasrat program-program tersebut.

Berikut adalah ringkasan jenis-jenis perjanjian yang disemak dan disediakan oleh BUU sepanjang tahun 2025:

STATISTIK PERJANJIAN 2025




Selain itu, BUU juga telah berjaya membantu bahagian-bahagian di KPDN untuk menyemak dan menyediakan sejumlah 199 pandangan undang-undang, antara lainnya termasuk ulasan dan pandangan berkaitan memorandum, tindakan tatatertib dan kemalangan jalan raya.

Bagi pandangan umum pula, BUU telah menyemak dan menyediakan pandangan termasuk seperti yang berikut:

- i. Permohonan Pengecualian Syarat Maksimum 30% Ekuiti Asing Dalam Kebenaran Memasar Dan Mengedar Bahan Petroleum Secara Borong (PDA4) di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 Bagi Syarikat-Syarikat;
- ii. Cadangan Tindakan Penggantungan Sementara Lesen Borong Barang Kawalan Berjadual (CSA) Dan Kuota Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) Bagi Syarikat Yang Terlibat Dengan Kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 Dan Perundangan Subsidiarinya;
- iii. Tatacara Pelaksanaan Kuota Interim Petrol RON95 Bersubsidi Bagi Stesen Minyak Mini Tanpa Jenama (UMS);
- iv. Cadangan Penggubalan Peraturan Pengeluaran Dan Penggunaan Kad Pengguna Bagi Mengawal Selia Had Kuantiti Barang Kawalan; dan
- v. Permohonan Pertukaran Lokasi Premis Oleh Syarikat Di Bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Berikut adalah ringkasan jenis-jenis pandangan yang disemak dan disediakan oleh BUU sepanjang tahun 2025:



PENYEMAKAN DAN PENGGUBALAN PERUNDANGAN

i. Perundangan Utama yang telah dibentangkan dalam sesi Parlimen pada tahun 2025

Sepanjang tahun 2025, Bahagian Undang-Undang (BUU) telah berjaya menguruskan proses penggubalan dan pembentangan perundangan utama bagi pihak kementerian seperti butiran berikut:

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2025

Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2025 ("RUU SB") merupakan pindaan berbangkit (*consequential amendment*) kepada penggubalan Akta Kredit Pengguna 2025 [Akta 873]. Langkah ini diambil bagi memastikan wujudnya keselarasan (*alignment*) antara Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212] dengan kerangka kawal selia kredit pengguna yang baharu di Malaysia. Pindaan yang mengandungi 22 fasal ini bertujuan untuk memodenkan Akta 212 serta menyelaraskannya dengan standard perlindungan pengguna yang lebih tinggi seperti yang digariskan dalam Akta 873:

Pemansuhan Kaedah Peraturan 78 & Flat Rate:

Selaras dengan prinsip keadilan dalam Akta 873, RUU SB memansuhkan penggunaan kadar faedah rata (*flat rate*) dan Kaedah Peraturan 78. Ia digantikan dengan **Kadar Faedah Efektif (*Effective Interest Rate*)** dan **Kaedah Pengurangan Baki (*Reducing Balance Method*)**. Perubahan daripada *Flat Rate* kepada *Effective Interest Rate* merupakan satu reformasi besar dalam industri sewa beli di Malaysia. Melalui kaedah **Pengurangan Baki**, beban kewangan pengguna dikurangkan kerana faedah hanya dikira berdasarkan baki pinjaman semasa, bukan

berdasarkan jumlah pinjaman asal. Ini secara langsung meningkatkan kuasa beli dan keadilan ekonomi bagi golongan yang bergantung kepada pembiayaan ansuran. Reformasi ini memastikan pengguna tidak lagi dibebankan dengan pengiraan faedah yang tidak memihak kepada penyelesaian awal. Di samping itu, ia memberikan perlindungan lebih baik kepada pengguna dan pengguna menikmati baki pinjaman lebih rendah sekiranya menyelesaikan tunggakan lebih awal.

Pengiktirafan Teknologi Digital: Bagi menyokong ekosistem kredit digital, pindaan ini mengiktiraf **tandatangan digital dan dokumen elektronik** sebagai sah di sisi undang-undang, selaras dengan Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562]; dan

Perlindungan Pengguna yang Komprehensif:

RUU SB memperkukuh hak pengguna dalam urusan pembiayaan ansuran (kenderaan, alat rumah, dll) dengan memastikan sistem pembiayaan adalah lebih telus, adil dan mengikut peredaran semasa.

RUU ini telah dibentangkan dan dibahaskan dalam sesi Parlimen Kelima Belas Penggal Keempat Mesyuarat Ketiga mengikut kronologi berikut:

Sesi Oktober 2025: Pembentangan bagi Bacaan Kali Pertama, Kedua dan Ketiga di Dewan Rakyat masing-masing pada 6 dan 8 Oktober 2025.

Sesi Disember 2025: Sesi perbahasan dan kelulusan bagi Bacaan Kali Kedua dan Ketiga di Dewan Negara pada 1 Disember 2025.

RUU SB ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kini dalam proses untuk mendapatkan Perkenan Diraja sebelum diwartakan sebagai Akta (setakat 12 Januari 2026).

Secara keseluruhannya, RUU SB ini memperkukuh kedudukan pengguna dalam pasaran kredit dengan memberikan perlindungan undang-undang yang lebih baik, mengurangkan beban faedah, serta membenarkan integrasi teknologi dalam setiap rantaian proses sewa beli.

ii. Perundangan Subsidiari

Sepanjang tahun 2025, Bahagian Undang-Undang (BUU) telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam menguruskan tadbir urus perundangan kementerian. Sebanyak **42 perundangan subsidiari** yang melibatkan kementerian serta agensi-agensi di bawahnya telah berjaya disemak, mendapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan diwartakan secara rasmi.

Pecahan perundangan subsidiari tersebut merangkumi penglibatan kementerian/agensi berikut:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN - Ibu Pejabat);
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO); dan
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).**

Pewartaan 42 perundangan subsidiari ini adalah bukti komitmen KPDN dalam memperkasakan punca kuasa undang-undang yang sah. Ia bertujuan memastikan setiap peraturan dapat dikuatkuasakan dengan adil demi menjaga kebajikan pengguna dan komuniti perniagaan.

Kejayaanewartakan 42 perundangan subsidiari ini mencerminkan komitmen padu BUU dalam memastikan rangka kerja perundangan kementerian dan agensi sentiasa dikemas kini. Penyelarasan yang erat bersama pihak SSM, MyIPO dan MyCC serta kerjasama teknikal daripada Jabatan Peguam Negara telah membolehkan proses semakan dan kelulusan berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

Bil	Nama Perundangan Subsidiari	KPDN/Agensi	Tarikh Warta
1	Peraturan-Peraturan Syarikat (Akses kepada Daftar dan Maklumat Berkaitan Pemunyaan Benefisial di bawah Subseksyen 60B(9)) 2025	SSM	9/1/2025
2	Perintah Akta Syarikat (Pindaan Jadual Kelapan) 2025	SSM	10/1/2025
3	Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) 2025 (Sempena Chinese New Year 2025)	KPDN	24/1/2025
4	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2025 (Sempena Chinese New Year 2025)	KPDN	24/1/2025
5	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2025 (Sempena Chinese New Year 2025)	KPDN	24/1/2025
6	Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa (bagi Seksyen 14) Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701]	SSM	27/1/2025

Bil	Nama Perundangan Subsidiari	KPDN/Agensi	Tarikh Warta
7	Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa (bagi seksyen 2, 3, 4, 5, perenggan 11(a) dan seksyen 13) Akta A1728 - Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024	SSM	28/1/2025
8	Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) (Pindaan) 2025	KPDN	19/2/2025
9	Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No. 2) 2025 (Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025)	KPDN	21/3/2025
10	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 2) 2025 (Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025)	KPDN	21/3/2025
11	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 2) 2025 (Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025)	KPDN	21/3/2025
12	Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa (bagi 8, 9 dan 10 Akta A1728 di dalam Fasa Kedua Akta A1728 - Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024	SSM	15/4/2025
13	Peraturan-Peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2025	SSM	15/4/2025
14	Pelantikan Anggota Suruhanjaya Persaingan (Datuk Roziah)	MyCC	16/4/2025
15	Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pengurangan Fi) 2025	MyIPO	23/4/2025
16	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 3) 2025	KPDN	28/4/2025
17	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025	KPDN	30/4/2025
18	Pelantikan Timbalan Pengawal Harga (KKM)	KPDN	14/5/2025
19	Pelantikan Penolong Pengawal Harga (KKM)	KPDN	14/5/2025
20	Pelantikan Timbalan Pengawal Harga (MOTAC)	KPDN	23/5/2025
21	Pelantikan Penolong Pengawal Harga (MOTAC)	KPDN	23/5/2025
22	Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No. 3) 2025 (Sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan)	KPDN	26/5/2025
23	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 4) 2025 (Sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan)	KPDN	26/5/2025
24	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 3) 2025 (Sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan)	KPDN	26/5/2025
25	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 5) 2025 (Sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan)	KPDN	26/5/2025


Bil	Nama Perundangan Subsidiari	KPDN/Agensi	Tarikh Warta
26	Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 4) 2025 (Sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan)	KPDN	26/5/2025
27	Peraturan-Peraturan Syarikat (Lesen Bagi Pemegangan Tanah) 2025	SSM	14/7/2025
28	Peraturan-Peraturan Syarikat (Lesen Bagi Peninggalaan "Berhad" Atau "Bhd.") 2025	SSM	14/7/2025
29	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 6) 2025	KPDN	31/7/2025
30	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 5) 2025	KPDN	31/7/2025
31	Pelantikan Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)	MyCC	31/7/2025
32	Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) (Pindaan) (No. 2) 2025	KPDN	28/8/2025
33	Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025	MyIPO	29/8/2025
34	Notis Pengecualian Di Bawah Subseksyen 73(1) (Nirvana KL Berhad)	SSM	2/10/2025
35	Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2025	MyIPO	8/10/2025
36	Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta A1649 - Akta Paten (Pindaan) 2022	MyIPO	8/10/2025
37	Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No.4) 2025 (Sempena Perayaan Deepavali 2025)	KPDN	15/10/2025
38	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.6) 2025 (Sempena Perayaan Deepavali 2025)	KPDN	15/10/2025
39	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No.6) 2025 (Sempena Perayaan Deepavali 2025)	KPDN	15/10/2025
40	Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No. 5) 2025 (Sempena Perayaan Krismas 2025)	KPDN	19/12/2025
41	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 7) 2025 (Sempena Perayaan Krismas 2025)	KPDN	19/12/2025
42	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 6) 2025 (Sempena Perayaan Krismas 2025)	KPDN	19/12/2025


KAJIAN KERTAS SIASATAN

Sesuai dengan kuasa yang diwakilkan oleh Peguam Negara, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) di Bahagian Undang-Undang (BUU) bertanggungjawab mengkaji kertas siasatan dan memberikan arahan pendakwaan bagi kes-kes di bawah akta yang dikuatkuasakan oleh KPDN.

Sepanjang tahun 2025, Unit Pendakwaan telah mengendalikan jumlah kes yang amat signifikan. Secara keseluruhannya, sebanyak **7,323 kertas siasatan** telah dirujuk kepada TPR untuk dikaji dan diberikan arahan. Pecahan bulanan rujukan kertas siasatan kepada TPR adalah seperti yang berikut:

**JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG DIRUJUK KEPADA TIMBALAN PENDAKWA RAYA (TPR)
(JANUARI HINGGA DISEMBER 2025)**





‘N’

National Action Council on Cost of Living

Pendekatan Whole of Nation

**Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)
Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB)
Bahagian Kawal Selia Petroleum (BKSP)
Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN)
Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)**

SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) berperanan sebagai badan utama menangani isu kos sara hidup dengan menyelaraskan dan memperkukuh pelaksanaan strategi serta pelan tindakan secara bersepadu melalui kerjasama strategik sektor awam dan swasta demi kesejahteraan rakyat.

Sepanjang tahun 2025, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah mengadakan beberapa mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa Eksekutif dan Tertinggi. Rekod Bilangan Mesyuarat yang dilaksanakan dan melibatkan Sekretariat NACCOL adalah seperti berikut:

**Mesyuarat Majlis
Tindakan Sara Hidup
Negara**

Pengerusi
YAB Perdana Menteri
1 kali

**Mesyuarat
Jawatankuasa Peringkat
Eksekutif Majlis
Tindakan Sara Hidup
Negara**

Pengerusi
YAB Timbalan Perdana
Menteri
3 kali

**Mesyuarat
Jawatankuasa
Penstabilan Harga di
Sabah, Sarawak dan
W.P. Labuan**

Pengerusi
YAB Timbalan Perdana
Menteri
1 kali

**Mesyuarat
Jawatankuasa
Pemantauan dan
Pelaksanaan**

Pengerusi
YB Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Kos
Sara Hidup
1 kali

**Mesyuarat Kumpulan
Kerja Teknikal
Penstabilan Harga,
Sarawak
1 kali**

**Mesyuarat Kumpulan
Kerja Teknikal
Penstabilan Harga Sabah
dan W.P. Labuan
1 kali**

PAVILION KOS SARA HIDUP SEMPERNA JELAJAH KARNIVAL KPDN TAHUN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

Program Pavilion Kos Sara Hidup telah dilaksanakan sempena Program Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia. Program ini melibatkan enam (6) zon negeri iaitu Johor, Sabah, Sarawak, Kedah, Pahang dan Selangor. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pelbagai inisiatif kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup melalui penyampaian maklumat yang menyeluruh dan berfokus.

Pelaksanaan program ini menekankan tiga (3) segmen utama merangkumi penjaan pendapatan, bantuan sosial serta inisiatif agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri. Program ini juga selaras dengan pendekatan *Whole of Government Approach* dalam menyantuni isu kos sara hidup.



PROGRAM JELAJAH PEMANTAPAN PORTAL IHSAN MADANI DAN ADVOKASI PENGGUNAAN INDIKATOR KOS SARA HIDUP

Selesai kemaskini inisiatif Kementerian,

1 siri program dilaksanakan, tambahan 34 inisiatif negeri

2 siri program, tambahan 58 inisiatif negeri

3 siri program, tambahan 107 inisiatif negeri

Program Jelajah Pemantapan Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI dilaksanakan bagi memperkukuh aspek komunikasi, penyebaran maklumat serta pemantapan kandungan inisiatif dan bantuan berkaitan kos sara hidup rakyat. Program ini bertujuan mengemas kini maklumat inisiatif sedia ada serta mendapatkan input inisiatif Kerajaan Negeri untuk dipaparkan dalam Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI.

Program jelajah ini telah dilaksanakan melalui enam (6) siri peluasan ke peringkat negeri. Pelaksanaan ini melibatkan Selangor, Pulau Pinang,

Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak bagi memperkukuh pengisian serta meningkatkan keberkesanan Portal Ihsan MADANI. Hasil pelaksanaan program ini, sebanyak 183 inisiatif Kerajaan Negeri telah dikenal pasti dan dipaparkan dalam portal tersebut.

Sehingga kini, Portal Ihsan MADANI memaparkan sebanyak 333 program, inisiatif dan bantuan sara hidup yang merangkumi inisiatif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Inisiatif ini berupaya memperkukuh akses maklumat bantuan kepada rakyat secara menyeluruh dan bersepadu.



MESYUARAT KUMPULAN KERJA TEKNIKAL (TWG) PENSTABILAN HARGA SABAH, SARAWAK DAN W.P. LABUAN

Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Penstabilan Harga bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan sebagai susulan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga Bilangan 1 Tahun 2025. Mesyuarat ini bertujuan merangka serta menyelaras tindakan susulan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terhadap cadangan dan syor hasil kajian penstabilan harga yang telah dilaksanakan.

Selain itu, mesyuarat ini berperanan memperkukuh koordinasi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menangani isu kestabilan harga serta keterjaminan bekalan barangan keperluan asas, khususnya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan

Labuan. Pelaksanaan mesyuarat TWG ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan dasar penstabilan harga yang lebih sistematik, berasaskan data dan mampan demi kesejahteraan pengguna.



BAHAGIAN SUBSIDI DAN BEKALAN

PELAKSANAAN RINTIS APLIKASI *MOBILE eCOSS* DI PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)



- i. Mengawal dan merekodkan transaksi jualan minyak masak peket di peringkat runcit;
- ii. Mengawal kuantiti pembelian dan rekod pembelian minyak masak peket di peringkat pengguna;
- iii. Larangan jualan minyak masak peket kepada bukan warganegara; dan
- iv. Memantau pemandu dan lori yang terlibat dalam penghantaran minyak masak peket bersubsidi.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah merasmikan projek rintis *Mobile eCOSS* pada 27 Jun 2025 ketika Program Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Selatan di Johor. Dengan pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), Johor telah menjadi negeri rintis untuk memperluaskan penggunaan *Mobile eCOSS* sehingga ke peringkat

pengguna akhir bagi membolehkan setiap transaksi minyak masak peket bersubsidi direkod secara digital dalam usaha mengekang ketirisan.

Pelaksanaan rintis Aplikasi *Mobile eCOSS* juga telah diseragamkan dan dilaksanakan di Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) seluruh negeri bagi menguji kestabilan sistem.



PELAKSANAAN RINTIS APLIKASI MOBIL *eCOSS* @ PJRM



Yang Berhormat Datuk Armizan Bin Mohd Ali

Johor perintis perluas *eCOSS* hingga peringkat pengguna

27 Jun 2025 (10:00 AM)

Johor JKR akan menjadi negeri rintis yang akan menggunakan sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*eCOSS*) untuk merekodkan transaksi pembelian minyak masak peket bersubsidi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penggunaan *eCOSS* ini juga akan membolehkan pihak Kementerian merekodkan pembelian minyak masak peket bersubsidi ini kepada pengguna secara lebih aman kerana menggunakan teknologi terkini.

Bagi pengguna, misalnya, pembelian minyak masak peket akan direkodkan melalui aplikasi *eCOSS* yang akan menghantar maklumat ini kepada pengguna melalui SMS atau WhatsApp.

"Saya akan memastikan dari

akhirnya ini, saya akan memastikan maklumat ini akan terus di antara Johor yang akan direkodkan melalui sistem ini kepada pengguna secara lebih aman kerana menggunakan teknologi terkini.

"Jadi, saya akan memastikan maklumat ini akan terus di antara Johor yang akan direkodkan melalui sistem ini kepada pengguna secara lebih aman kerana menggunakan teknologi terkini.

Related Stories

Johor dijangka negeri pertama peringkat pengguna. Armizan
Johor JKR akan menjadi negeri rintis yang akan menggunakan sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*eCOSS*) untuk merekodkan transaksi pembelian minyak masak peket bersubsidi.

Johor JKR akan menjadi negeri rintis yang akan menggunakan sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*eCOSS*) untuk merekodkan transaksi pembelian minyak masak peket bersubsidi.

"Saya akan memastikan dari

INISIATIF IHSAN KOMUNITI RUNCIT KPND TAHUN 2025 - PEMBERIAN LESEN BARANG KAWALAN BERJADUAL (CSA) KEPADA PESERTA DI BAWAH PROGRAM PENGEDARAN BARANG-BARANG PERLU

Program Pengedaran Barang-Barang Perlu dilaksanakan untuk memastikan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman dapat membeli tujuh (7) barangan keperluan bersubsidi pada harga yang ditetapkan kerajaan sama seperti di bandar. Hal ini juga bertujuan untuk menampung caj perkhidmatan yang ditanggung oleh kerajaan bagi mengedarkan barang keperluan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. *Transporter* tempatan telah dilantik untuk membeli barang keperluan dan menjual kepada *Point of Sales* (POS) di kawasan pengedaran. POS seterusnya menjual bekalan kepada penduduk pada harga kawalan. Kawalan turut dibuat dengan melantik *Transporter* bagi tujuan pengedaran barang keperluan tersebut. Tujuh (7) barangan tersebut adalah beras, gula, minyak masak, tepung gandum, Gas Petroleum Cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel. Enam

(6) daripada tujuh (7) barangan ini merupakan barang-barang kawalan berjadual di bawah Jadual Bahagian I, Peraturan 2(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Melalui Program Ihsan Komuniti Runcit, sebanyak 326 lesen CSA telah dikeluarkan kepada pihak *Transporter* di bawah program ini khususnya yang berada jauh di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak sebagai langkah pemudahcara syarikat-syarikat *transporter* mendapatkan lesen CSA berdasarkan ketetapan yang dipersetujui oleh Ketua Setiausaha KPND selaku pengawal bekalan. Ini sekaligus memastikan semua peserta program mempunyai lesen CSA yang sah untuk perniagaan masing-masing seterusnya mematuhi perundangan yang berkuatkuasa.

MESYUARAT BERSAMA PENGILANG-PENGILANG SIMEN

Mesyuarat Libat Urus Mengenai Isu-Isu Berkaitan Pengimportan Simen telah diadakan pada 26 Jun 2025 (Khamis) bersama pihak *The Cement and Concrete Association of Malaysia* (C&CA), yang diwakili oleh syarikat-syarikat utama industri simen negara termasuk *Aalborg Portland Malaysia Sdn Bhd*, *Cahaya Mata Sarawak Berhad*, *Cement Industries (Sabah) Sdn. Bhd.*, *Cement Industries of Malaysia Berhad* (CIMA), *Hume Cement Sdn. Bhd.*, *Tasek Corporation Berhad* dan *YTL Cement*.

Antara isu utama yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah peningkatan ketara jumlah simen yang diimport ke dalam negara serta implikasinya terhadap industri tempatan. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk membincangkan kapasiti dan kemampuan pengeluaran

tempatan dalam memenuhi keperluan pasaran domestik serta eksport. Cabaran serta peluang berkaitan dasar pengimportan dan pengekspornan simen turut dibincangkan bagi mendapatkan pandangan industri berhubung mekanisme kawal selia, piawaian kualiti dan daya saing simen keluaran tempatan.



LAWATAN KERJA KE PELABUHAN KLANG DAN PORT KLANG FREE ZONE (PKFZ)

Satu lawatan kerja telah diadakan pada 22 Julai 2025 (Selasa) ke Pelabuhan Klang dan *Port Klang Free Zone* (PKFZ) yang diketuai oleh Encik Mohd Yusri bin Yusof, Pengarah Bahagian Subsidi dan Bekalan bagi meneliti semula dasar serta peraturan berkaitan pengimportan gula. Lawatan ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan operasi dan prosedur berkaitan aktiviti import, eksport dan *transshipment* yang berlaku di kawasan pelabuhan serta kawasan perdagangan bebas.

Selain itu, tujuan lawatan ini adalah untuk memahami aliran proses logistik barangan termasuk barangan kawalan dan barangan pengguna serta mendapat gambaran jelas berkenaan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan import, eksport dan *transshipment*. Dengan lawatan ini, KPDN berupaya menilai potensi cabaran serta risiko dalam pengurusan barangan import, eksport dan *transshipment*, khususnya berkaitan pematuhan undang-undang dan integriti rantai bekalan.



BAHAGIAN KAWAL SELIA PETROLEUM

PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan **Program Pengedaran Barang Perlu** bagi memastikan barangan bersubsidi dan barangan kawalan dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran di kawasan pedalaman. Program yang mula dilaksanakan sejak tahun 2009 ini bertujuan untuk menangani isu perbezaan harga yang ketara bagi barangan bersubsidi dan kawalan di kawasan pedalaman berbanding kawasan lain.

Melalui pelaksanaan program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan bagi pengedaran tujuh (7) jenis barangan bersubsidi dan kawalan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel dari pembekal

ke kawasan pedalaman di **enam (6) negeri, iaitu Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang**. Langkah ini bertujuan memastikan penduduk di kawasan pedalaman dapat membeli barangan keperluan tersebut pada harga yang sama seperti harga di bandar atau pekan terdekat.

Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan telah melantik *transporter* untuk memperoleh semua jenis barangan bersubsidi daripada pembekal atau punca bekalan dan seterusnya mengedarkan serta menjual barangan tersebut ke *Point of Sales* (POS) di kawasan pengedaran pedalaman. POS seterusnya menjual barangan tersebut kepada penduduk setempat pada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.



Jadual 1: Statistik Program Pengedaran Barang Perlu Tahun 2025

NEGERI	POPULASI	BIL SYARIKAT	BIL ZON	BIL KAWASAN PENGEDARAN	BIL POS
Sabah	492,566	59	78	228	607
Sarawak	467,427	103	120	559	824
Kedah	4,568	3	1	1	16
Kelantan*	35,445	4	5	19	63
Terengganu	7,828	2	3	3	9
Pahang*	21,927	4	5	18	54
Jumlah	1,029,761	174	212	828	1,573

SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS)

Capaian Kumulatif

SKPS
33%

Pendaftaran

Syarikat:

16,203

Kenderaan:

33,135

Pecahan kenderaan berdasarkan kategori kenderaan pengangkutan darat

Awam:

39%

Barangan:

61%

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) sebagai mekanisme kawalan penggunaan petrol RON95 bersubsidi bagi sektor pengangkutan awam dan pengangkutan barangan. Pelaksanaan SKPS bertujuan untuk memastikan penyaluran subsidi bahan api dilaksanakan lebih bersasar, berintegriti dan berkesan disamping menyokong kestabilan kos logistik serta harga barangan keperluan asas kepada rakyat.

Pelaksanaan SKPS ini diperkukuhkan dengan sesi libat urus bersama pemain industri serta penyediaan sokongan pelaksanaan sehingga ke peringkat negeri. KPDN telah melaksanakan beberapa siri taklimat dan sesi libat urus bagi meningkatkan kefahaman terhadap dasar dan mekanisme SKPS. Selain itu, fungsi pusat khidmat pelanggan SKPS telah diaktifkan di setiap negeri bagi memudahkan proses pendaftaran dan menyokong kelancaran pelaksanaan program secara menyeluruh.



SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI
SKPS
RON95

SYARIKAT
DAFTAR SEGERA
mysubsidi.kpdn.gov.my

TARIKH BERMULA
15 SEPTEMBER 2025

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Syarikat berdaftar di Malaysia
- Kenderaan milik syarikat pemohon
- Kenderaan dengan cukai jalan yang sah
- Kenderaan berlesen dalam kategori layak di bawah SKPS

KENDERAAN PENGANGKUTAN DARAT AWAM

9
12

KENDERAAN PENGANGKUTAN DARAT BARANGAN

Teksi | Ambulans | Kereta Sewa | Bomba
Bas Sekolah | Bas Pengantara | Bas Mini
Bas Berhenti-Henti | Van Mayat

KENDERAAN PENGANGKUTAN DARAT BARANGAN

Lori Rigid-Refrigerated | Semi Panel Van | Lori Rigid-Kandang Haluan
Lori Rigid-Kargo Am | Lori Food Catering | Lori Rigid-Haull Portainer
Van Food Catering | Window Van | Van Rigid-Perkhidmatan Bergerak
Lori Rigid-Luton/Kotak | Panel Van | Lori Rigid-Perkhidmatan Bergerak

SEBARANG PERTANYAAN: 03-8882 5893 | 5924 | 5923 | 6667



BAHAGIAN HARGA BARANGAN NEGARA

PROGRAM PEMANTAUAN HARGA

Program Pemantauan Harga merupakan satu inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 2008 bagi mengatasi isu kenaikan harga barang dan masalah bekalan barangan yang menjejaskan kehidupan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Program ini dilaksanakan oleh 990 Pegawai Pemantau Harga (PPH) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di seluruh negara dan dikawal selia oleh Majlis Harga Barangan Negara (MHBN) yang dijenamakan semula sebagai Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN). Pemantauan harga melibatkan lebih 2,170 premis termasuk pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit.



DATA/STATISTIK

(a) Pemantauan Harga melibatkan 316 item barangan meliputi enam (6) kategori barangan iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman:

Jenis Pemantauan	Bilangan Barangan	Kekerapan Pemantauan	Kategori Barangan
PW Harian	60	Setiap hari kecuali cuti umum	Barangan Segar & Barangan Kering
PW Mingguan	139	Secara Mingguan	Barangan Segar, Barangan Kering, Barangan Berbungkus; Susu dan Barangan Bayi
PW Bulanan/ Tahunan	18	Secara Bulanan & Tahunan	Barangan Segar; Barangan Kering; Barangan Berbungkus; Susu dan Barangan Bayi; Produk Kebersihan; dan Minuman
Pemantauan Khas SST	99	Secara Mingguan	Barangan Segar; Barangan Kering; Barangan Berbungkus; Susu dan Barangan Bayi; Produk Kebersihan; dan Minuman



(b) Bilangan pelaporan yang dikeluarkan setahun:

Jenis Pelaporan	Bilangan Laporan
Laporan Rutin (Harian, Mingguan, Bulanan & Tahunan)	521
Laporan ADHOC (berdasarkan isu semasa dan permohonan data)	64

(c) Naziran Pemantauan Harga (*Mystery Shopping*) dilaksanakan bagi memastikan kutipan data harga lebih tepat dan berintegriti.

Negeri	Bilangan Naziran
Perak	11
Selangor	10
Kuala Lumpur	11
Negeri Sembilan	6
Melaka	4
Johor	7
Terengganu	5
Kelantan	8
Sarawak	33
Sabah	28
Jumlah	123

ADVOKASI APLIKASI PRICECATCHER DI SELURUH NEGARA

Aplikasi *PriceCatcher* membolehkan pengguna membuat perancangan perbelanjaan secara berhemah bagi mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh menyemak harga bagi 316 barangan yang merangkumi barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus/

tin/ pek/ kotak/ botol, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Advokasi aplikasi *PriceCatcher* ini giat dijalankan supaya pengguna lebih cakna terhadap harga barangan di pasaran.

DATA / STATISTIK :

(a) Bilangan Advokasi *PriceCatcher* mengikut negeri sepanjang tahun 2025

Negeri	Jumlah
Perlis	21
Kedah	58
Pulau Pinang	92
Perak	173
Selangor	86
Kuala Lumpur	114
Putrajaya	19
Negeri Sembilan	41
Melaka	8
Johor	38
Pahang	162
Terengganu	70
Kelantan	60
Sarawak	44
Sabah	220
Labuan	17
Jumlah Keseluruhan	1223

(b) Jumlah muat turun mengikut bulan sepanjang tahun 2025

Bulan	Jumlah
Januari	8,050
Februari	11,277
Mac	12,142
April	7,021
Mei	12,625
Jun	8,644
Julai	19,486
Ogos	11,982
September	13,675
Oktober	14,036
November	11,069
Disember	13,846
Jumlah Keseluruhan	143,853



(c) Jumlah muat turun mengikut tahun

2020	2021	2022	2023	2024	2025	Jumlah Keseluruhan
131,791	25,581	79,733	115,709	120,257	143,853	616,924



PERKONGSIAN HARGA SECARA DIGITAL OLEH PASAR RAYA UNTUK PAPARAN DALAM APLIKASI PRICECATCHER TAHUN 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menjalinkan kerjasama bersama Pasar Raya MYDIN dan Redtick melalui Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan perkongsian data harga barangan melalui Aplikasi *PriceCatcher*. Kerjasama strategik ini dirintis bagi mendaya upaya pengguna untuk meningkatkan akses kepada maklumat berhubung harga barangan di pasaran dan sekali gus membuat perbandingan dan pilihan.

Pemeteraian MoU bersama Pasar Raya MYDIN dan Redtick menjadi usaha rintis untuk menambah baik aplikasi ini melalui

perkongsian data secara automatik. Data tersebut akan dipaparkan di ruangan 'Perkongsian Harga Pasar Raya' oleh pasar raya yang terlibat.

Bagi tahun 2025, usaha kerjasama ini digiatkan lagi dengan penambahan lagi dua (2) pasar raya yang secara sukarela menjalinkan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Pemeteraian MoU Perkongsian Data Harga Antara KPDN Bersama Pasar Raya Bataras Sdn. Bhd dan CKS Retail Sdn. Bhd telah diadakan pada 9 November 2025 bertempat di Dewan Masyarakat Pasar Sabah.



**Empat (4)
pasar
raya**

**berkongsi harga
Pasar Raya Bataras Sdn.
Bhd., CKS Retail Sdn. Bhd.,
Mydin dan Redtick**



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Perkongsian Data Harga Antara KPDN Bersama Pasar Raya Bataras Sdn. Bhd dan CKS Retail Sdn. Bhd untuk paparan dalam Aplikasi PriceCatcher.

BAHAGIAN ANALISIS EKONOMI & DATA STRATEGIK

PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL ANALITIK DATA TAHUN 2025 (KPDN-UKMSHAPE)



**Universiti
Kebangsaan Malaysia
(UKM)**

4 Ogos 2025 hingga
6 Oktober 2025

Kekerapan
**Sekurang-kurangnya dua
(2) kali seminggu atau
berdasarkan keperluan**

**Penglibatan
BPGK, BKSP, BHBN,
BSB, BPJL dan BPM**

Urus Setia
**Bahagian Analisis
Ekonomi dan Data
Strategik (BAED)**

Program di bawah kendalian **Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMSHAPE)** ini merupakan kerjasama KPDN bersama pihak UKMSHAPE. Pembentukan modul dilaksanakan khusus untuk warga KPDN secara dalaman dengan kelolaan tenaga pengajar yang pakar dan berpengalaman dari Institut Informatik Visual (IVI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Para peserta yang terpilih dapat mengikuti kelas pembelajaran sebanyak empat (4) modul/silabus latihan dan ditauliahkan **Sijil Profesional Analitik Data** oleh SENAT UKM di akhir program. **Majlis Pentauliahkan** telah diadakan pada **28 November 2025** bertempat di **Bangi Avenue Convention Centre (BACC)** dan **disempurnakan oleh Encik Teoh Phi Li, Pengarah Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik**. Perincian lanjut mengenai program adalah seperti berikut:

Objektif Program

- Membangunkan dan menyelenggara laporan *Dashboard* serta analisis data;
- Merangka hipotesis perniagaan untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat;
- Membangunkan model visualisasi data untuk komunikasi yang berkesan;

- Menganalisis data yang boleh dipercayai untuk memperoleh nilai yang tepat; dan
- Reka bentuk proses analisis data yang selamat dan mematuhi peraturan.

Kursus Yang Dijalankan

- *Business hypothesis testing*;
- *Unstructured and structured data analytic (Python, Jupyter Notebook)*;
- *Data Visualization (Tableau)*;
- *Data Communication, Visualization, and Reporting (Tableau)*; and
- *Final Project*.

Peserta Pentauliahkan

- Puan Nurazreen binti Mohd Amin (BPGK)
- Puan Aimi Liyana binti Tajudin (BPGK)
- Encik Mohd Muhaimi bin Mohamad (BPGK)
- Encik Ahmad Syaziat bin Azizan (BKSP)
- Encik Muhamad Syauqi bin Nadri (BKSP)
- Puan Siti Zubaidah binti Arshad (BHBN)
- Puan Siti Fasihah binti Ahmad Supian (BSB)
- Puan Farah Wahidah binti Budiman Radi (BPJL)
- Encik Mohamad Fazli bin Rosli (BPM)
- Puan Sharol Bariah binti Harun (BPM)



SOROTAN LENSA 2025



BAZAR RAMADAN RAHMAH



JELAJAH KARNIVAL KPON 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA





KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI



KPDN @ MEDIA



SOROTAN LENSA 2025



PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS)



PENGLIBATAN KPDN DI EKSPLO OSAKA 2025





PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)



SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)



SIDANG EDITORIAL

Penaung

DATO' SERI MOHD SAYUTHI BIN BAKAR

Penasihat

JAAFAR BIN JANTAN

Ketua Editor

ELIANA BINTI MAHAT @ MAZLAN

Editor

IZLIN BINTI AZAHARI

Jurufoto

FADZILAH BINTI MOHD NOORDIN

SYAZLEEN ILYANIEE BINTI SHAHRIL IZUAN

Penyelaras Bahagian/Agensi

Bahagian Penguat Kuasa

ABDUL RAZZAQ BIN IBRAHIM

Sekretariat Perdagangan Dan Industri Perkhidmatan

NURUL AMIRAH RAIHANAH BINTI MOHD RADZI

Bahagian Pembangunan Perniagaan

AVIINESH A/L MUNIANDY

Bahagian Pembangunan Jualan Langsung

FARAH WAHIDAH BINTI BUDIMAN RADI

Bahagian Gerakan Kepenggunaan

IZZUL IZWAN BIN ISMAIL

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

FAIRUL BIN MD YUSOF

Bahagian Standard Kepenggunaan

MUHAMMAD HAFIZ BIN MUSTAFA

Bahagian Penyelidikan Dan Dasar Kepenggunaan

FARISHA AQILLAH BINTI ZURAIDI

Tribunal Rayuan Persaingan

NURUL AFIQAH BINTI ABDUL GHAFAR

Bahagian Subsidi Dan Bekalan

PRAVEENA A/P MURUGAIAH

Bahagian Kawalan Selia Petroleum

NAJIB ZAKUAN BIN MD ALI

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

SITI NAQIYYAH BINTI MOHD NOH

Bahagian Harga Barangan Negara

NOOR AZURA BINTI MOHD SHARIF

Bahagian Dasar, Perancangan Strategik Dan Antarabangsa

MOHD FAIZAL BIN ZAINAL ABIDIN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

NURULHAKIMAH SOLEHAH BINTI ISMAIL

Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Kewangan

MOHD AFENDI BIN YA @ ZAKARIA

Bahagian Pengurusan Maklumat

MAZLINDA BINTI KATMIN

Bahagian Undang-Undang

NUR NADIAH BINTI HABIBULLAH

Bahagian Audit Dalam

RITA ERLIZA BINTI ROHANI

Unit Integriti

HJ. MOHD SAMADI BIN HJ. MOHD ARSHAD

Bahagian Analisis Ekonomi Dan Data Strategik

PHARADEE SRIPRAPHAN A/P PIAN

Bahagian Akaun

DR. N FARAHIN BINTI ALI @ IBRAHIM

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

HAZWANEE HASHIM BINTI MOHD HASHIM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

SHAHARMIZ ILYAANEE BINTI MAHMOOD SABRI

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

ZAINAB BINTI ISMAIL



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.



1-800-886-800



www.kpdn.gov.my



eaduan.kpdn.gov.my



019-848 8000



KPDN Laman Rasmi



#kpdnhep



@KPDN_HQ



@KPDN



APLIKASI EZ ADU KPDN

